Penerbit: Institut Analisa Sosial (INSAN)
Pencetak: Penerbit Universiti Malaya

# NADI insan

MAC 1981
KDN 0088/81
ISSN 0126 – 9364
$ 1.00

23

WAWANCARA: ADIBAH AMIN

- Nasib Minah Karan
- Masa Depan UMNO/BN Kecoh?
- Film Review: 9 to 5
- Cerpen Hasnul Hadi



## ASIA TENGGARA & KUASA-KUASA BESAR

Rasalah degup jantung rakyat, bacalah

# NADI insan

hanya $1·00

Dalam keluaran bulan ini:

**KAWASAN PERDAGANGAN BEBAS: DEMI KEPENTINGAN SIAPA?**

- Wawancara: Tan Sri Ahmad Nordin
- ASEAN: Kerjasama Jenis Apa?
- Nasib Sastera Melayu Di Singapura
- John Lennon: Man Behind The Myth







## DUA KARYA POLITIK KEBANGSAAN OLEH AHMAD BOESTAMAM

Bekas Ketua API (Angkatan Pemuda Insaf),
Parti Rakyat Malaya, Parti Marhaen, PEKEMAS

### MERINTIS JALAN KE PUNCHAK

Seorang pejuang kebangsaan mengisahkan perjuangan nasionalis yang menentang penjajahan di Malaya pada zaman 1945-1948, iaitu antara Peperangan Dunia Kedua dan Pengisytiharaan Darurat. Buku ini telah dipilih untuk diterjemahkan oleh Prof. W. Roff (pengarang "Nasionalisma Melayu") sebagai karya yang mewakili semangat nasionalisme tanahair kita. (181 halaman, hanya $3.00)

### DR. BURHANUDDIN: PUTERA SETIA MELAYU RAYA

Kisah perjuangan umat Islam yang menentang imperialisme dan membela demokrasi. Almarhum Dr. Burhanuddin Al-Helmy pernah menjadi anggota Sarekat Islam Merah dan kemudiannya ketua beberapa badan politik kebangsaan termasuk PEKEMAM (Parti Kebangsaan Melayu Malaya), PUTERA (Pusat Tenaga Rakyat), PUTERA-AMCJA, Parti Islam SeMalaya dan juga seorang pengasas Partai Rakyat Malaya. (78 halaman; hanya $2.00)

**BORANG PESANAN**

Nama & Alamat:

____________________

____________________

____________________

____________________

☐ $2.00 untuk "Dr. Burhanuddin"

☐ $3.00 untuk "Merintis Jalan Ke Punchak"

**TAWARAN ISTIMEWA**

☐ $4.50 untuk kedua-dua buku

Sila kembalikan borang ini serta bayaran kepada:
INSAN, Peti Surat 26, Kajang, Selangor.

# NADI insan

Para pembaca diingatkan bahwa bahan-bahan yang diterbitkan di dalam keluaran NADI INSAN ini tidak semestinya menggambarkan pendirian penerbit (INSAN) atau sidang Redaksi majalah ini.

Penerbit : Institut Analisa Sosial (INSAN) Peti Surat 26, Kajang, Selangor.
Redaksi : Dr. Mohd. Nasir Hashim (Ketua), Mohd. Daud, Dr. Jomo K.S., C. Ng, Rohana
Pelukis : Jaseni, Lim.
Pencetak : Penerbit Universiti Malaya, Lembah Pantai, K.L.
Pengedar : The New Straits Times Press (M) Bhd., Jln. Riong, K.L.

bilangan 23 — MAC 1981

pena penyunting 2
wawancara 3 Adibah Amin
antarabangsa 8 Asia Tenggara & Kuasa-Kuasa Besar
China & Asia Tenggara
The official Singaporean View
Malcolm's Caldwell's Final Assessment
nasional 17 Masa Depan UMNO/BN Kecoh
20 Nasib Malang Gadis Kilang
antarabangsa 23 Who Will Save El Salvador?
24 Whither Uganda
kartun 25 Al-Kisah Kapitalisme
sajak 30 Cinta Si Anak Tani
Resapi Juadah Sri Damai Amerika
cerpen 33 Mendukung Status Qua
insan bulan ini 37 Penoreh Getah
filem 38 9 to 5: Office Woes
Brubaker: The Limits of Reform
pojok 40 Tebuk Dada, Nampak Selera

*Kebudayaan nasional sering dilaung-laungkan tetapi apakah ini hanya merupakan omong-omong kosong sahaja selama masalah-masalah pokok tidak diketuai. Ikutilah pandangan-pandangan Saudari Adibah Amin mengenai soal rumit ini.*





*Kaum pekerja wanita kilang telah menjadi sasaran makian serta hinaan daripada akhbar, tokoh-tokoh dan juga sebahagian dari orang ramai. Tetapi sebenarnya, nasib golongan ini seperti pepatah Melayu "indah khabar pada rupa". Ikutilah siasatan terhadap keadaan mereka.*

*Pergolokan di Asia Tenggara menjadi makin runcing dengan penglibatan kuasa-kuasa besar. Pandangan-pandangan terhadapnya juga banyak berbeza. Ikutilah perbahasan tentang masalah sulit ini yang mempengaruhi kehidupan kita bersama.*





*Separuh dari khabar-khabar angin yang terbit semasa Datuk Hussein Onn uzur baru-baru ini mungkin mempunyai asas. Walaubagaimana pun keadaan yang kecoh di kalangan UMNO sendiri dan BN juga tidak dapat dirafikan lagi. Ikutilah analisa majalah antarabangsa terhadap perkembangan ini.*

**JIMATKAN WANG**
**NADI insan TERUS KE RUMAH ANDA**

| | 6 bulan | 1 tahun |
|---|---|---|
| Harga langganan | $5.50 | $10.00 |
| Anda menjimatkan | .50s | $2.00 |

**BORANG LANGGANAN**

Nama & Alamat ______________________

______________________

______________________

Sila kembalikan borang serta bayaran kepada:
INSAN, Peti Surat 26, Kajang, Selangor.

| Di Luar Negeri | Mel Biasa | Mel Udara |
|---|---|---|
| Asia Tenggara — | M$16 | M$24 |
| Asia Selatan, Asia Timur, Australia New Zealand — | M$16 | M$28 |
| Timur Tengah, Eropah — | M$16 (£ 4) | M$36 (£ 9) |
| Afrika, Amerika — | M$16 (US$8) | M$44 (US$22) |

**(Langganan Setahun)**

# Pena Penyunting

Pada tahun 1971, satu persidangan bersejarah mengenai kebudayaan telah diadakan. Sepuluh tahun kemudian, banyak perkara berkaitan yang telah timbul dalam majlis itu masih dibahaskan. Memandangkan hakikat ini, kita harus mendalami perkara-perkara berkenaan supaya keadaan yang lebih menggalakkan dapat disediakan untuk mencapai kemajuan budaya yang seimbang. Demi tujuan ini, *NI* telah meminta pendapat Saudari Adibah Amin — yang tidak perlu diperkenalkan — terhadap beberapa issu. Sila ikuti wawancara *NI* dengannya.

Sudah banyak yang telah diperkatakan tentang pekerja-pekerja wanita kilang di Malaysia semenjak tahun tujuhpuluhan, terutama sekali di kilang-kilang elektronik yang sudah digelarkan *Minah Karan*. Gambaran umum yang terdapat mengenai mereka kurang baik walaupun kebanyakan dakwaan-dakwaan yang terdapat mengenai mereka itu kurang benar. Sebaliknya pula, mereka ditindas dan ditekan dari beberapa segi, terutama sekali dalam keadaan kerja. Inilah yang menjadi salah satu tumpuan *NI* buat bulan ini.

Persengketaan di Asia Tenggara menjadi makin runcing dan makin sukar difaham. Perikatan-perikatan yang terdapat sebelum tahun 1977 telah banyak berubah kemudiannya dan kuasa-kuasa besar, terutama sekali China serta kuasa-kuasa agung, iaitu Amerika Syarikat dan Uni Soviet — terus memainkan peranan penting dalam hal ini. Dalam keluaran *NI* ini, kami menerbitkan sebuah rencana khas serta wawancara dengan Menteri Luar Singapura. Dalam keluaran-keluaran akan datang, *NI* akan menerbitkan pandangan-pandangan lain mengenai soal penting ini. NI


## Tawaran Pengenalan Percuma!

*NADI INSAN* MENGHARGAI SOKONGAN DAN MINAT ANDA KE ATAS MAJALAH KELUARAN KITA. KITA HARAP LEBIH RAMAI LAGI RAKAN-RAKAN ANDA AKAN MENYERTAI ANDA MEMBACA MAJALAH INI. SILA SERTAKAN NAMA DAN ALAMAT MEREKA DI BAWAH INI SUPAYA DAPAT KITA KIRIMKAN NASKAH TAWARAN PENGENALAN *NADI INSAN* PERCUMA BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MENGIKUTI DENGAN LEBIH DEKAT PERKEMBANGAN-PERKEMBANGAN YANG SEDANG BERLAKU DI RANTAU INI.

NAMA __________ ALAMAT __________

Bila di Melaka singgahlah di

# MOTEL TANJUNG KLING

Pantai Pengkalan Perigi
Tanjung Kling
Melaka.

NomborTelefon:
06 - 80652

# ADIBAH AMIN

**NI:** *Soal kebudayaan di tanahair kita sebenarnya belum selesai dibahaskan. Apakah kita akan menuju ke arah satu kebudayaan nasional yang seragam atau patutkah kita membina kebudayaan yang beranikaragam. Walaupun perbahasan ini jarang diadakan secara terbuka, tidak boleh dinafikan bahawa ini adalah pertentangan pokok sebalik perbezaan yang lebih nyata di khalayak umum.*

**AA:** Setengah orang mengatakan *kebudayaan tidak boleh dipaksakan.*

• • • • • •

**AA:** Setengah orang mengatakan *kebudayaan tidak boleh dipaksakan.* Saya bersetuju setakat tertentu — jikalau yang dengan perkataan dipaksakan. Tetapi saya tidak bersetuju bahawa kebudayaan harus dibiarkan bertumbuh liar. Jadi yang kita perlu ambil ialah jalan tengah yang adil dan yang bijak. Realiti pertama yang kita harus hadapi ialah masyarakat kita ialah masyarakat berimbang kaum. Realiti kedua yang harus kita hadapi ialah jikalau kita mahu bumi kita mempunyai suatu keperibadian haruslah kita menumbuhkan satu kebudayaan, kata Inggeris, *indigenous.* Realiti ketiga yang kita harus hadapi ialah: kalau kita cuba menerus atau menghapuskan sesuatu kebudayaan, kebudayaan itu akan bertambah kuat. Umpamanya, jikalau kita cuba menghapuskan atau mengenepikan kebudayaan Tionghua, kesedaran orang-orang Tionghua tentang kebudayaannya, cinta-kasihnya kepada kebudayaannya akan bertambah. Dan ini dapat kita lihat di mana-mana. Misalnya, di mana ada sedikit pun gerak yang kelihatan seperti cuba menghapuskan kebudayaan Tionghua, walaupun sebenarnya bukan niat begitu, makin cinta kasih itu terhadapaya akan bertambah. Dan ini memang satu perkara yang wajar, yang semulajadi antara manusia. Jikalau mana-mana kaum pun akan demikian. Jadi, kita di sini mengambil jalan tengah. Tetapi jalan tengah ini mesti tegas. Jangan bermula dua atau tiga atau empat! Mesti muka yang satu itu dihadapkan kepada semua pihak, pada semua masa, supaya kita dapat menimbulkan rasa percaya dan rasa bahawa segalanya adalah adil. Saya rasa, jika kita lihat daridulu, dengan sendirinya, kebudayaan beberapa kaum yang menetap di sini telah bercampur gaul dan telah berpadu sebenarnya dengan indah sekali. Yang kita terima sebagai kebudayaan Melayu sebenarnya adalah paduan daripada beberapa kebudayaan. Kaum-kaum yang telah datang, hidup bersama kita dalam kasih sayang, ataupun yang pada mulanya pun menjajah ataupun membawa sesuatu kepercayaan atau sesuatu cara hidup baru, tapi yang akhirnya telah mesra dengan kita. Jadi kebudayaan Melayu itu sendiri teridiri daripada beberapa kebudayaan. Sebagai mana juga kebudayaan-kebudayaan lain di dunia selain daripada masyarakat-masyarakat yang terpencil. Masyarakat kita dari mula memanglah masyarakat terbuka dan di situlah kekayaan kita. Tetapi sekarang kita menghadapi dalam soal kebudayaan sebagaimana juga dalam soal politik ekonomi apa pun,— ketakutan yang mengeluruh. Tiap-tiap kaum mempunyai pandangan hidupnya sendiri dan ketakutannya sendiri. Kalau boleh saya bercakap secara jujur, ramai orang Melayu memandang bahawa negeri ini adalah negerinya dan kebudayaan negeri ini seharusnya kebudayaan Melayu, dan kaum-kaum yang lain adalah kaum-kaum pendatang yang mengancam kedudukan politik, ekonomi dan kebudayaan mereka. Tiap-tiap kaum yang lain pula merasa bahawa mereka adalah anak negeri ini, tempat mereka menumpukan kesetiaan mereka, tempat mereka telah menyimbangkan segala bakat, khidmat, tenaga mereka dan mereka merasa berhak menolong mencorak kebudayaan negeri ini. Jadi di sinilah satu masalah — saya tidak mahu katakan dilemma sebab itu terlalu pesimis — satu masalah yang kita harus hadapi bersama. Jadi kalau tiap-tiap kaum hanya mempunyai pandangan sempit sesuatu kaum sahaja, sampai bila pun soal kebudayaan ini akan jadi satu soal yang amat menyedihkan. Pada hal kebudayaan adalah sebenarnya cara hidup — bukan saja tentang soal seni-seni — seluruh cara hidup, seluruh cara berfikir, seluruh cara berbuat yang diterima oleh sesuatu masyarakat.

**NI:** *Jadi, saudari mencadangkan apa yang dikatakan jalan tengah itu. Apakah yang harus diamalkan untuk menuju ke arah itu dalam masyarakat kita ini? Misalnya, dari segi bahasa-soal bahasa mungkin menjadi teras budaya kecil masing-masing.*

**AA:** Soal bahasa sudah tidak timbul sebab sudah lama kita setuju. Jikalau kita mahu menimbulkan soal bahasa, kita melangkah ke belakang, kan? Sebenarnya, Bahasa Malaysia sangat berheza daripada Bahasa Melayu sebagai mana Bahasa Indonesia berbeza daripada Bahasa Melayu yang dulu, kan? Bahasa Malaysia telah sama-sama kita bina. Bukan sehaja orang Melayu yang binanya. Semua turut membinanya, dan sudah diterima sebgai bahasa kita.

Tetapi kita harus perkayakan perbendaharaan bahasa kita dengan segala bahasa yang ada di sini dan beberapa bahasa asing yang berguna. Soal politik, soal tindas-menindas, soal siapa menang, siapa kalah tidak harus masuk di sini. Kadang-kadang ramai orang lupa, yang penting ialah manusia. Jikalau kita asyik *bercakaran* tentang soal bahasa, siapa nanti yang menderita? Generasi baru kita. Jadi rasa saya, kita lupakan soal nak



menegakkan benang yang basah atau pun yang kering, atau apa pun. Kita fikirkan apa yang paling baik bagi generasi baru kita. Generasi baru ini telah terdidik dengan Bahasa Malaysia. Bahasa Malaysia telah dilengkapkan. Tentulah bagi sesuatu bahasa yang baru bertumbuh ada beberapa kelemahannya, sebagaimana Bahasa Inggeris dulu yang lebih lemah daripada Bahasa Latin yang digantikannya. Banyak sarjana dulu tidak percaya kepada Bahasa Inggeris. Sekarang Bahasa Inggeris telah bertumbuh dan juga Bahasa Malaysia telah bertumbuh. Soalnya ialah kita sama-sama membinanya dan menambah, melengkapkannya bagi untuk menjadi alat yang baik dalam pelajaran.

Di samping itu, Bahasa Malaysia harus juga diperbuat, bukan kerana kita agung-agungkan bahasa siapa pun, tetapi kebetulannya bahasa itu sudah ada di sini dan sudah banyak orang menguasainya dan sudah banyak buku yang tertulis dalamnya. Soal praktikal. Juga kebetulan dia bahasa dunia praktikal. Buat apa kita buang satu yang sudah ada. Bahasa Arab – dalam realiti baru di dunia ini, bahasa Arab juga penting. Mengapa tidak kita gunakan dia? Dan tentu sekali bahasa-bahasa lain di negera ini harus dipelihara dan dimajukan.

Satu perkara yang saya pelik dan diri saya sendiri pun salah dalam hal ini, bagaimana kita dalam satu masyarakat tidak saling mengerti bahasa masing-masing. Saya juga bersalah dalam soal ini. Saya pekak dan bisu Bahasa Tionghua bolehlah saya mengerti sedikit. Sungguhpun takut membuka mulut. Takut salah nada, nanti lain pula ertinya dan merepek, bahayakan. Dalam Bahasa Tamil saya terus pekak dan bisu.

Ramai orang-orang di Malaysia begini. Malah, ada juga orang yang masih tidak faham Bahasa Malaysia. Jadi, itu satu perkara yang harus kita perbaikilah bersama dan kita hilangkan rasa kesombongan, rasa kecurigaan dan rasa hendak berlawan, seterusnya.

**NI:** *Apakah usaha-usaha untuk menggalakkan kegunaan bahasa itu dikhalayak orang ramai, terutama bagi generasi bukan Melayu yang sudah tua; memuaskan atau tidak. Bagi generasi yang lebih tua, yang diperbesarkan pada zaman penjajah lagi, mereka sebenarnya tidak dapat peluang untuk menguasai Bahasa Malaysia dan nampaknya mereka diketepikan sahaja sekarang dalam usaha untuk perluaskan kegunaan Bahasa Malaysia.*

**AA:** Betul. Itu betul sekali. Saudara sudah menyebut satu kelemahan dalam usaha kita memperkembangkan bahasa kita. Salah satu daripada sebabnya ialah sikap. Di sini juga terdapat pandangan hidup yang berbeza. Misalnya, orang Melayu mengatakan "Hah! Hah bertahun-tahun berzaman-zaman di negeri ini pun tak pandai Bahasa Melayu!" Soalnya, ini bukan Bahasa Melayu, sekarang Bahasa Malaysia. Dan bahasa bukan satu benda yang mudah orang belajar. Saya tahu sendiri sebab saya belajar Bahasa Tionghua, teruk. Sampai, sekarang pun tidak berani membuka mulut. Bukan mudah. Satu perkara yang sangat susah. Bukan orang tidak mahu belajar. Tetapi, dia jadi *vicious circle*. Semakin kita atau sesiapa juga mengatakan "Ha! tak belajar-belajar juga." Semakin orang-orang itu rasa tak pasal aku hak belajar sebab kan memandang seolah-olah bahasa itu bahasa kau seorang dan aku harus patuh dan tunduk di bawah kau mempelajarinya dan seterusnya. Rasa saya soal sikap sangat penting dalam soal ini.

**NI:** *Mengalih pada issu yang lain – soal semangat kebangsaan. Masih diragu-ragukan sama ada semangat kebangsaan itu sedang berkembang atau sebaliknya. Nampaknya semangat perkauman itu masih tebal masih lebih kuat pengaruhinya jika dibandingkan dengan semangat kebangsaan. Dan mengikut setengah pendapat, ini adalah disebabkan oleh tiadanya di negeri kita ini satu gerakan kebangkitan kebangsaan anti-penjajah kuat yang telah melibatkan revolusi kebangsaan, misalnya seperti di Indonesia terhadap penjajah Belanda. Dan oleh itu, ditanahair kita ini tidak begitu kuat. Adakah ini benar?*

**AA:** Saya tidak percaya itu. Kita salahkan perkara yang lain daripada realiti. Jikalau pun kita dulu bersatu padu dan menumpahkan darah untuk kemerdekaan, itu hanya bererti bagi generasi yang dulu. Tidak bererti bagi generasi yang baru.

Apa yang bererti bagi generasi yang baru ialah satu perkara yang praktikal lagi. Apa ada bagiku di bumi ini? Dia lah soal. Apa ku boleh beri kepada bumi ini dan apa pula bumi ini boleh beri kepada ku. Dan jikalau pada pandangan mereka, apa yang mereka boleh beri kepada bumi ini boleh tahan, tetapi apa yang bumi ini boleh beri

kepada mereka tidak cukup, bagaimana hendak ada semangat kebangsaan? Itu satu puncanya. Itu satu masalah yang harus kita fikirkan bersama-sama.

Lebih-lebih kerana generasi baru. Sebab generasi baru sebenarnya tidak tahu apa yang telah berlaku dulu. Jikalau orang mengatakan inilah sejarahnya, ini perjanjiannya antara orang Melayu dan orang bukan Melayu. Sekian-kian keadaannya, misalnya, kewarganegeraan dijanjikan dan hak-hak orang Melayu dan seterusnya dibincangkan. Tidak ada erti bagi generasi baru. Mereka tidak berjanji. Itu hanya kata-kata bagi mereka. Jadi bagaimana kita hendak menimbulkan kesedaran di jiwa generasi baru. Itulah satu masalah yang saya sendiri telah berfikir bertahun-tahun, tidak dapat jawapannya. Tetapi, terpaksa kita bersama-sama fikirkan . . .

Kita tak usaha mencari apa-apa untuk disalahkan selain daripada yang benar-benar bersalah. Soal perkauman ini tak usahalah satu bangsa hendak mengatakan bangsa lain sebab di mana-mana di dunia ini tunjuk sahaja negaranya — ada perkaumannya, tinggal lagi mereka menyembunyikannya dan menunjuk-menunjuk kepada kita. Di Amerika atau pun di Britain misalnya. . . Tetapi ini bukan bermakna bahawa kita mesti menerima kenyataan yang buruk ini. Yang dikehendaki sekarang ialah kejujuran dan kebolehan memandang dan segi pandangan orang lain. Jangan hanya memandang dari segi pandangan kita sahaja.

**NI:** *Apakah usaha-usaha praktikal yang dapat dilaksanakan ke arah itu? Nampaknya sekarang usaha yang kononnya cuba menyelesaikan masalah perkauman ini kebanyakannya di gelanggang politik, di antara ahli-ahli politik, tokoh-tokoh politik, tetapi apakah usaha-usaha di bidang-bidang lain itu memuaskan atau mencukupi?*

**AA:** Saya sebenarnya tidak percaya kepada usaha-usaha muhibah, buat majlis makan durian, dan nyanyi berbagai lagu, buat tarian rojak, dan seterusnya. Saya tak percaya tentang itu semua. Yang penting ialah peluang untuk hidup di bumi ini. Peluang untuk belajar, peluang untuk berdiri atas kaki sendiri, peluang untuk mendapat pekerjaan yang baik, peluang untuk berniaga dan mendapat kedudukan yang baik dalam perniagaan dari usaha sendiri. Jikalau itu dapat kita jamin untuk semua rakyat kita, tak perlulah kita mengadakan majlis-majlis makan durian ramai-ramai, rasa saya.

**NI:** *Dalam usaha membina kebudayaan nasional ini, mengikut setengah pendapat, yang diberi kepada unsur-unsur yang terlibat, apakah unsur itu maju ataupun unsur itu lapuk, kurang diperhatikan. Apakah ini benar?*

**AA:** Ya, soal maju dan unsur lapuk ini adalah satu soal yang susah sebab dia adalah pertimbangan nilai, ya! Dan kadang-kadang pertimbangan selera. Kalau tanya pendapat saya, memanglah. Habis segala yang lapuk saya buang. Tetapi ini bukan satu perkara yang boleh dipraktikan. Kalau kita melibat sejarah zaman berzaman, banyak orang yang mati kerana cuba membuat itu. Misalnya, kegagalan Birch di Malaysia. Ini semua pelajaran daripada sejarah yang tidak harus kita ketepikan. Ini kan pula di sini dalam masyarakat bukan yang sahaja berbagai kebudayaan kecilnya, tetapi juga berbagai kepercayaan. Kalau kita merempuh masuk, habislah rosak segala yang kita hendak buat itu. Tetapi ini bukan bererti bahawa kita sengaja menggali-gali segala yang rapuk, yang sudah nak mati, bukan nak hidupkan juga. Kerana ini, kebudayaan kita sungguh sayang, jangan biar dia mati sebab sebenarnya itu erti kita menolak proses sejarah, proses perkembangan manusia yang generasi demi generasi ada yang dibuang dan ada yang ditambah dan ada yang dipelihara diteruskan. Jadi, di sini juga saya *percaya* kepada jalan tengah, biar kita wajarlah, sedikit dalam memilih.

**NI:** *Setengah . . . orang berpendapat bahawa perkembangan kebudayaan mengikuti selera, tanpa mempunyai matlamat atau pun tujuan yang lebih mulia, akhirnya akan membawa kepada pelacuran kebudayaan itu. Dan itu yang diragu-ragukan dengan apa yang dikatakan* **pop culture** *yang kuat berkembang sekarang. Apakah pendapat saudari mengenainya.*

**AA:** *Pop culture* itu dari barat atau bagaimana?

**NI:** *Tak seterusnya dari barat. Misalnya, kebudayaan kuning dan feudal. Tak semestinya kebudayaan barat sahaja yang dimaksudkan di sini.*

**AA:** Ya, itulah. Itulah saya rasa. Jangan kita dakab sesuatu semata-mata kerana nenek kita mendakapnya dulu. . . Kita ini selalunya menipu diri sendirilah . . . Apa dia kebudayaan itu? Kebudayaan bukan sesuatu yang kita ambil buat perhiasan, atau untuk kita bangga-banggakan. Kebudayaan ialah sesuatu yang boleh kita gunakan hari-hari untuk pertumbuhan kita dalam segala segi. Dan jikalau kebudayaan itu menyekat kemajuan, baik dalam fikiran, dalam apa sahaja, alangkah bodohnya jilkalau kita terus memeluknya? Tetapi di sini lagi bezanya antara teori dan praktik. Denga cakap saya buang sahajalah segalanya tetapi lihat nanti apa akibatnya. Sebagaimana saya kata tadi, sesuatu kalau kita meredah sahaja, kalau kita memeras, menekan, membuang, melontar, nanti akan ada-ada reaksinya yang leibh hebat.

Jadi kita harus menggunakan fikiran, mesti teliti dalam hal ini. Tetapi ramai orang yang berfikir begini, tetapi tak ramai orang yang bersuara. Salahnya kita ini orang-orang yang sederhana, orang-orang yang berfikiran jujur, yang berfikiran wajar — tidak bersuara dan tidak bertindak. Kita hanya merungut-rungut dalam kumpulan

*Berucap di majlis perpisahan dengan guru pada tahun 1952 ketika Adibah berumur 16 tahun.*



kecil kita sendiri, seperti sekarang. Kita tidak berani mengatakan yang kita lihat. Tapi satu hari nanti, kita mungkin hairan bahawa beribu-ribu orang lain atau beratus-ratus ribu orang lain juga bersependapat. Tinggal lagi, masing-masing bodoh diam selama ini.

**NI:** *Kita alih kepada soal seni, sastera dan sebagainya. Pernah dikatakan bahawa seni di Malaysia, terutamanya sekali sastera Melayu dalam tahun 50 an dulu lebih* committed, *lebih terlibat. Membela sesuatu dan sebagaimana. Kalau dibandingkan dengan seni ataupun sastera masakini. Apakah ini benar dan kalau benar, apakah perkembangan antara tahun 50 an dan tahun 80 an merupakan satu kemajuan ataupun satu langkah ke belakang?*

**AA:** Saya faham maksud saudara, iaitu tentang penglibatan dengan soal-soal membaiki masyarakat. Kalau dari segi isi, semua saya setuju. Dalam tahun 50 an dulu, ornag menimbulkan keburukan kepincangan masyarakat dan berbagai-bagai hal lagi. Tapi kalau dari segi teknik, cara dulu itu kasar dan tidak berjaya. Tidak ada seninya. Saya ingat lagi cerita-cerita dulu — orang miskin baik, orang kaya jahat dan seterusnya. Jadi tujuannya baik, tetapi kerana belum ada penguasaan teknik, tidak berjaya. Sekarang pula, penguasaan teknik hebat sekali. Ada yang merepek, tetapi eksperimen-eksperimen itu harusi digalakkan juga.

Tetapi, dalam pada itu, penglibatan dengan perbincangan masyarakat dan seterusnya nampaknya berkurang. Apakah kerana kurang kesedaran? Ataupun kerana satu perkara yang sangat *basic* dan praktikal, iaitu penulis-penulis sekarang lebih gemuk daripada penulis-penulis dulu. Kehidupannya lebih menuah, kerusinya lebih empuk dan seterusnya. Mungkin kerana itu. Jadi kita menulis daripada kesedaran diri sendiri.

**NI:** *Saya rasa ulasan saudari tepat sekali. Beralih pada soal kedudukan kaum wanita. Mengikut setengah orang, saudari menganggap kedudukan kaum wanita di Masyarakat Malaysia ini adalah memuaskan kerana hak-hak asasi telah diperolehi, tanpa perjuangan dan oleh itu kedudukan kaum wanita di sini lebih baik kalau dibandingkan dengan masyarakat lain, terutamanya sekali masyarakat barat. Apakah ini benar?*

**AA:** Sebenarnya ini modal saya bila saya bercakap dengan orang-orang dari barat yang memandang rendah kepada kedudukan wanita kita di sini. Jadi saya mengatakan: lihat kedudukan wanita awak di sana. Cantik sangatkah? Itu maksud saya. Tidak. Saya tidak mengatakan kedudukan kita ini sempurna. Tetapi saya mengatakan kedudukan kita lebih sempurna daripada kedudukan wanita di tempat mereka.

Sebab pertama, atas nama kebebasan, wanita mereka menjadi alat lelaki, tanpa sedar. Atas nama cinta bebas, atas berbagai-bagai nama dewa-dewa moden. Kedua, kerana mereka sudah ada *rested interest*, sudah lama maju, dan yang maju itu, selama ini ialah lelaki, dan mereka telah bertapak kuat di beberapa tempat, susah wanita nak masuk. Di Barat, tak dapat merebut kedudukan sebagaimana yang saya merebut di sini. Bukan ertinya kedudukan ini di sini saya dapat dengan senang, tetapi dengan usaha yang tungkus lumus. Tapi jikalau di sini saya hanya harus berusaha dua kali lebih daripada lelaki, di sana mereka harus berusaha empat kali lebih daripada lelaki. Itupun belum tahu dapat.

**NI:** *Tetapi saudari mengaku bahawa saudari bertungkus lumus dua kali lebih daripada di sini.*

**AA:** Ya, tentu, tentu. Tetapi saya tidak menyalahkan orang lelaki sebenarnya. Orang perempuan sendiri pun sama-sama menindas orang-orang perempuan. Saya sudah melihat beberapa buktinya. Wanita terpaksa berpura-pura bodoh untuk mendapat jodoh. Alangkah buruknya, alangkah dahsyatnya. Jadi saya tidak *hanya* menyalahkan laki-laki. Saya menyalahkan seluruh masyarakat yang mengekalkan ini.

**NI:** *Mengalih pada soal pendidikan. Ada ramai yang berpendapat pada bahawa sistem pelajaran, sistem persekolahan yang kita ada sekarang, terlalu terkhusus, terlalu* specialized. *Dan tidak memberi pendidikan yang menyeluruh, yang perlu untuk membina manusia, untuk membina insan yang lebih lengkap, yang lebih seimbang. Apakah pandangan saudari?*

**AA:** Ya, betul. Itu saya setuju sekali. Banyak-banyak kawan-kawan saya di Kementerian Pelajaran dan di Universiti dan beberapa orang yang betul berminat dan

berfikir dalam soal ini sudah pun menyebutnya beberapa kali. Ini penyakit masyarakat membangun, saya rasa, sebab kita hendak mengadakan banyak profesyenal, banyak pakar secepat mungkin.

Dan kita sekarang gila ijazah kan? Dan dulu pun — dari waktu saya mula-mula dapat B.A. (Hons) pun bukan main, didewa-dewakan. Sekarang ini Ph. D. lah; B.A. (Hons) tak laku lagi; Ph. D. yang didewa-dewakan. Kita gila itu. Dan bagi kita kejayaan ialah mendapat secerbis kertas itu. Kemudian terus maja. Jadi kita lupa kepada bidang lain, kepada kemungkinan lain. Dan kita lupa kepada perkembangan sebagai seorang manusia, mesti ada akhlaknya, kesedaran kemasyarakatannya dan berbagai-bagai hal lagi.

Kita akan mengeluarkan satu masyarakat yang pelik. Sepuluh peratus, ataupun kalalah paling banyak 30% berjaya menjadi komputer yang sangat bagus, tetapi komputer akhlaknya, jiwa seninya kesedaran masyarakat nya hampir tidak ada. 70% bagi masyarakat kata gagal kerana tidak dapat menyesuaikan dirinya dengan saluran akademik yang begitu sempit, sebenarnya mereka tidak bodoh. Tetapi kerana kita hendak mereka masuk ke dalam satu saluran yang sempit itu dan mereka sebenarnya tidak sesuai untuk itu. Kebolehan mereka adalah berbentuk lain. Dan kebolehan itu tidak kita akui, tidak kita sedari dan tidak kita pupuk. Kita akan dapatkan 70% orang yang merasa dirinya gagal atau seni-gagal. Jadi kita harus sedar dan mengubah cara kita dari sekarang.

**NI:** *Akhir sekali, apa pendapat saudari mengenai peranan penerbitan khususnya majalah dan akhbar dalam masyarakat seperti kita ini. Apakah sifat majalah dan akhbar dalam masyarakat kita ini terlalu pasif, tidak begitu berani tidak begitu giat untuk membela kepentingan rakyat jelata atau sebaliknya?*

**AA:** Ya, kita sebenarnya ada dua jenis penulisan — yang kedua-duanya buruk. Satu, penulisan takut-takut. Satu lagi, penulisan berani tak tentu pasal. Dan hanya ada beberapa sahaja penulisan yang baru muncul yang berani dan bertanggungjawab. Satu lagi, kita mengongkong diri kita, menapis diri kita kalau kita praktikal.

Bagi tiap-tiap kerajaan tentulah satu daripada kehendaknya yang paling besar ialah untuk mengekalkan kuasa nya. Dan tentulah tiap-tiap kerajaan di mana-mana pun di dunia ini akan berusaha mengadakan imej yang baik. Jadi tiap-tiap kerajaan akan menapis segala penulisan seberapa yang dapat supaya tidak menggugat kedudukannya. Itu sahaja. Bodohlah jikalau kerajaan tidak buat begitu.

Kita pula sebagai rakyat bodoh pula jikalau kita tidak dapat menjalankan peranan kita yang saya rasa seimbang dengan peranan kerajaan itu — iaitu peranan melihat apa yang kurang dan membuat pendedahan apa yang buruk dan tersembunyi secara bertanggungjawab, iaitu mesti



berdasarkan sesuatu yang benar, yang boleh disokong dengan bukti sambil menyarankan pula bagaimana cara membaikinya dengan praktikal pula — begitu praktikal sehingga kalau misalnya kita menjadi kerajaan, kita boleh menjalankannya. Membuat susah, mengeritik senang.

Jadi dua peranan ini mesti ada dalam satu masyarakat jikalau kita mahu masyarakat itu sehat. Kita sebenarnya sudah beberapa kali ketakutan kerana sudah terjadi beberapa perkara dan kerana itu kita takut bergerak. Jadi, kalau misalnya kerajaan mengatakan sekian-sekian. Pengarang sesuatu penerbitan pula mengatakan: "eh! Jangan yang sekian-sekian ini pun kerajaan tak suka." Jadi bidang yang boleh ditulis itu sudah semakin sempit. Siapa yang di bawah makin ke bawah, makin sempit kerana takut. Jangan-jangan pengarang ini menyangka bahawa kerajaannya menyangka bahawa sekian-sekian tak boleh; yang nombor tiga, yang nombor empat pula mengatakan jangan-jangan . . . dan seterusnya. Jadi bila sampai kepada pemberita ataupun penulis rencana, kecil sangan bidang yang ada padanya. Ini yang kita katakan *self-censorship* ataupun menapis diri sendiri. Jadi yang tinggal hapas, yang keluar pati.

Tetapi soalnya pula bagaimana cara kita menjauhi bising-bising tak tentu pasal. Yang betul pun kata tak betul supaya orang suka baca. Ha! tentang kerajaan, dia berani sesuatu buruk telah didedahkan, orang suka baca. Sebenarnya ada yang betul, ada yang tak betul. Dan penerbitan-penerbitan yang tidak bertanggungjawab begini, menyusahkan orang yang hendak berani dan hendak bertanggungjawab. Sebab nanti kerajaan yang berkuasa, akan mencampuradukkan dua golongan ini. Jadi bagi orang sederhana, yang jujur, yang berani dan bertanggungjawab, ada dua musuh. Itu satu kumpulan orang yang takut-takut tadi dan satu kumpulan orang yang berani tak tentu pasal. Itu satu masalah kita.

**NI:** *Terima kasih.*

# Asia Tenggara & Kuasa-Kuasa Besar

**L. Low & Arifin Ramli**

Pertentangan di antara negara-negara Vietnam, Kampuchea dan China, termasuk negara-negara ASEAN. Kepada negara--negara ini, peperangan baru di Indocina ini telah menimbulkan banyak peluang di samping bahaya.

ASEAN telah menikmati faedah kerana kedua-dua China dan Vietnam telah menarik balik bantuannya terhadap gerakan-gerakan gerila di rantau ASEAN. Perikatan antara China dengan Amerika Syarikat (AS) dan juga ASEAN atas pendirian anti-Soviet dan anti-Vietnam, telah mengendurkan sokongan China kepada gerakan-gerakan ini.

Vietnam juga telah berjanji tidak menyokong gerakan-gerakan ini kerana gerakan-gerakan ini terus mempunyai hubungan yang erat dengan China. Dalam gerakan-gerakan itu sendiri, isu-isu politik dan ideologi yang ditimbulkan oleh pertentangan China-Vitenam-Kampuchea telah melahirkan unsur-unsur ketidakpastian dan perpecahan, terutama di kalangan gerakan gerila Thai.

Pada masa yang sama, langkah Vietnam untuk mengukuhkan penguasaannya terhadap seluruh Indocina telah melahirkan kuasa politik dan tentera di rantau ini yang mesti diperhatikan. Sama ada diakui atau tidak, ASEAN merasa bimbang kerana pencerobohan Vietnam di Kampuchea menunjukkan kemampuan Vietnam menggunakan tenteranya secara langsung bagi mencapai matlamat politiknya. Buat masa ini, ketakutan ini dicerminkan oleh kebimbangan Thai terhadap kemungkinan bahawa gerakan tentera Vietnam terhadap pasukan gerila Pol Pot akan menceroboh wilayah Thai.

Permainan diplomatik pula tertumpu kepada soal nasib perlarian serta soal pengiktirafan pemerintah Kampuchea. Tetapi isu-isu ini hanyalah isu sampingan kepada perkara pokok, iaitu soal keselamatan. Jika pergolakan politik di Asia Tenggara ini sukar difahami, ini adalah kerana pihak-pihak yang bertentangan dan perikatan masing-masing telah banyak berubah dalam beberapa tahun yang lepas.

Ketika A.S. melibatkan diri di Indocina, pemimpin-pemimpin Hanoi memandang semua negara di Asia Tenggara yang disokong oleh A.S. sebagai sekutu AS dalam perang itu. Filipina dan Muang Thai menjadi pengkalan tentera udara dan laut A.S. bagi menyerang Vietnam. Kedua-dua negara ini telah menghantar pasukan tentera ke medan perang untuk membantu A.S.

Bila perang terakhir pada tahun 1975, kebimbangan timbul di kalangan setengah pihak yang Vietnam dan sekutu-sekutunya akan membalas dendam. Kebimbangan ini begitu ketara sekali Muang Thai yang bersempadan dengan dua buah negara revolusioner Indocina yang baru itu. Walaupun pertempuran-pertempuran sempadan berlaku antara tentera Thai dengan tentera Kampuchea dan Laos, kebimbangan mengenai serangan dan percubaan ambil alih kuasa kemudiannya lenyap.

Pemimpin-pemimpin Vietnam menegaskan kepada jiran-jiran mereka di Asia Tenggara bahawa ia sanggup melupakan peristiwa-peristiwa lama demi melahirkan satu suasana baru serta hubungan yang erat. Menjelang tahun 1976, semua negara ASEAN mempunyai hubungan politik dan perdagangan dengan Vietnam, Laos dan Kampuchea.

Bila pentadbiran Carter menunjukkan yang ia ingin memulihkan hubungan dengan Vietnam dalam tahun 1977, reaksi pemimpin-pemimpin ASEAN pada ketika itu berbeza. Sokongan secara umum diberikan untuk mengujudkan hubungan diplomatik dan perdagangan antara A.S. dan Vietnam. Adalah diharapkan hubungan ini akan mengurangkan dan mengendurkan pergantungan dan kesetiaan Vietnam kepada Russia.

Tetapi penentangan hebat telah ditujukan terhadap langkah A.S. untuk memberikan bantuan pemulihan kepada Vietnam. Pemimpin-pemimpin ASEAN bimbang jika bantuan seperti yang pernah dicadangkan oleh Presiden Nixon — kira-kira AS$4 billion — akan mengubah keseimbangan politik di rantau dengan menjadikan Vietnam kuat, bukan saja di segi ekonomi tetapi juga ketenteraan. Pemimpin-pemimpin ASEAN yang berhaluan kanan, sama seperti pembuat-pembuat dasar luar A.S. mahukan Vietnam berada dalam keadaan lemah dan mudah dikawal.

Vietnam pula berminat untuk mengadakan hubungan dua pihak yang kuat dengan jiran-jirannya yang bukan-komunis tetapi tetap ragu kepada ASEAN. Kebimbangan ini adalah berdasarkan ingatan kepada Perjanjian Pertahanan Asia Tenggara (SEATO) yang diilham-

kan oleh A.S. Tidak seperti ASEAN, SEATO merupakan sebuah pakatan tentera secara terbuka.

Secara rasmi, SEATO hanyalah untuk tujuan pertahanan, tetapi sebenarnya ialah untuk membantu strategi A.S. untuk campurtangan di Indocina. Vietnam berasa ragu yang ASEAN adalah lanjutan kepakutunya, iaitu China, ke arah tujuan yang sama.

Dalam bulan September 1978, Perdana Menteri Vietnam, Pham Van Dong melawat ke negeri-negeri ASEAN dengan memberikan jaminan dalam usaha mengambil hati pemimpin-pemimpin ASEAN yang Hanoi tidak akan memberi sokowilayah Kampuchea.

Semua kerajaan-kerajaan ASEAN terus mengiktiraf kerajaan Pol Pot yang digulingkan sambil menolak pengiktirafan terhadap kerajaan Heng Samrin yang ditubuhkan selepas penglibatan Vietnam. Di samping itu, kesemuanya terus mendakwa mengekalkan sikap ber-



da usaha A.S. untuk menggantikan SEATO yang tidak begitu berkesan sebagai satu perikatan ketenteraan Vietnam pernah mengecam ASEAN dari segi ini hingga tahun 1978.

Akibat dari bertambahnya masalah-masalah dengan Kampuchea, Vietnam mengubah pendirian resminya terhadap ASEAN dalam tahun 1978. Pemutusan hubungan diplomatik Kampuchea dengan Vietnam pada penghujung tahun 1977 telah menandakan berkembangnya peperangan antara mereka. Kemudian, kedua-dua sekutu lama ini telah berusaha untuk mengelakkan pemencilan diplomatik dengan usaha untuk mendapatkan sokongan dari ASEAN.

Pada pertengahan tahun 1978, rombongan-rombongan dari Hamoi dan Phnom Penh telah melawat ke negara di samping memberi amaran tentang bahaya dari pihak lain. Sama ada di Bangkok, Kuala Lumpur, Singapura, Jakarta atau Manila, Kampuchea memberi amaran yang Vietnam sedang bekerjasama dengan Russia untuk menguasai seluruh Asia Tenggara. Vietnam pula telah mendakwa bahawa Kampuchea sedang bergiat bagi pihak sengan kepada gerakan-gerakan revolusioner yang hendak mennjatuhkan kerajaan-kerajaan ASEAN. Pemimpin-pemimpin ASEAN mendapat faedah dari pernyataan itu, tetapi tidak membuat apa-apa balasan kepada Vietnam.

Apabila Vietnam mencerobohi Kampuchea dan menjatuhkan rejim Pol Pot, keadaan dengan serta merta berubah. Menteri-menteri luar negara-negara ASEAN dengan tergesa-gesa bersidang di Bangkok. Muang Thai mendapat akibat secara langsung kesan dari penyingkiran rejim Pol Pot kerana kini Kampuchea tidak lagi merupakan negara penimpal antara Muang Thai dan Vietnam dan telah menyertai Singapura dan Indonesia supaya satu pendirian yang tegas terhadap Vietnam diambil. Pada ketika itu, Malaysia dan Filipina lebih berhati-hati untuk mengelakkan terjadinya konfrontasi. Menteri-menteri luar ASEAN akhirnya mengeluarkan kenyataan bersama yang "mengutuk campurtangan ke atas kemerdekaan, kedaulatan dan keutuhan wilayah Kampuchea" dan mendesak pengunduran secara serta merta" semua tentera-tentera asing" dari kecuali dalam semua pertelingkahan politik yang berasal dari peperangan Vietnam-Kampuchea dan pertentangan yang semakin meruncing antara Vietnam dan China.

Nampaknya Maung Thai bekerjasama dengan China untuk membekalan kepada sisa-sisa tentera Pol Pot yang berusaha untuk menghalau Vietnam dengan taktik peperangan gerila. Naib PM China Deng Xiaoping mengumumkan secara terbuka yang kerjasama itu sedang berjalan. Hal yang sama juga ditimbulkan oleh Putera Sihanouk, yang dibebaskan oleh Pot Pot di saat-saat terakhir kekuasaannya, ketika membentangkan kes Kampuchea di Bangsa-Bangsa Bersatu sebelum pulang ke tempat buangan lamanya di China dan berpindah kemudian ke Pyongyang.

Serangan China ke atas Vietnam pada Februari 1979 kononnya sebagai tindakbalas kepada penggulingan kerajaan Pol Pot oleh Vietnam merupakan satu ujian besar kepada dasar berkecuali ASEAN. ASEAN secara rasmi mengutuk tindakan China dan sekali lagi mendesak supaya semua tentera asing diundurkan dari negeri-negeri Indo-

cina-Vietnam dari Kampuchea dan China dari Vietnam. Pendirian ini adalah sama dengan pendirian A.S.

Mengikut setengah pemerhati, ini menunjukkan kecondongan kepada China kerana China telah mengumumkan yang ia akan menarik balik tenteranya setelah menghukum Vietnam, sedangkan Vietnam telah mensifatkan penggulingan kerajaan Pol Pot sebagai perkembangan yang tak dapat dipulihkan. Mengikut *Far Eastern Economic Review*, beberapa pemimpin ASEAN berpendapat. "Viar China mengajar Vietnam selagi tidak melibatkan bahagian lain di rantau ini."

Pada masa lepas, Indonesia dan juga Malahsia lebih bersimpati kepada Vietnam dan ragu terhadap China dibandingkan dengan ahli ASEAN lain. Bagaimana pun, perkembangan-perkembangan baru telah mendesak ASEAN lebih rapat kepada China dan menjauh dari Vietnam atas beberapa sebab.

Pertamanya, China telah bergiat sejak beberapa tahun yang lalu untuk menjalin hubungan *antara negara* dengan ASEAN di samping mengurangkan sokongan *antara parti* kepada gerakan gerila di rantau ini. China dan sekutunya di Kampuchea tidak merupakan ancaman kepada ASEAN jika dibandingkan dengan Vietnam yang disokong oleh Russia. Keduanya, ASEAN tidak sanggup menentang A.S., yang merupakan pembekal alat ketenteraan utama kepada kumpulan ini, setelah A.S. memutuskan pilihannya dengan memulihkan hubungan dengan China sambil meneruskan sikap permusuhannya terhadap Vietnam.



Akhirnya, jika alasan-alasan ini tidak mencukupi, masalah pelarian itu cukup untuk menjadikan ASEAN bersikap anti-Vietnam. Jumlah pelarian Laos, Kampuchea dan Vietnam memang ramai di Muang Thai sejak akhirnya perang Indocina, diikuti pula dalam bulan Mac 1979 dengan pertambahan besar *orang hanyut* meninggalkan Vietnam. Kebanyakannya mendarat di Malaysia, Thailand, Indonesia, menjadikan negara-negara berkenaan dalam keadaan politik dan ekonomi yang tegang. A.S. dan lain-lain negara Barat cuba mengelak dari menerima pelarian ini sebagai orang yang menetap.

Negara-negara ASEAN pula tidak mahukan mereka. Sebahagiannya disebabkan oleh masalah-masalah biasa yang terpaksa dihadapi oleh negeri-negeri miskin untuk menyerapkan berpuluh ribu pelarian. Sebahagian lagi adalah kerana sebilangan besar dari pelarian yang meninggalkan Vietnam selepas serangan China adalah orang keturunan China. Kecuali Singapura di mana penduduk majoritinya adalah keturunan China, di negara-negara ASEAN lain, golongan minoriti keturunan China mempunyai kuasa ekonomi yang besar tetapi terus menghadapi tekanan politik.



Kemungkinan memuncaknya ketegangan kaum akibat dari kemasukan pelarian menjadikan pemimpin-pemimpin ASEAN tidak suka kepada Hanoi. Pada akhir bulan Jun 1979, Menteri Luar Singapura Sinnathamby Rajaratnam menyatakan dalam sidang kemuncak ASEAN yang ia percaya Vietnam secara sengaja memaksa orang keturunan China keluar dari Vietnam untuk mengakibatkan peperangan bangsa di rantau ini yang akhirnya akan mengubah pendirian ASEAN supaya mencurigai China yang kononnya menggunakan orang keturunan China di seberang laut untuk tujuan politiknya.

"Hanya satu kesilapan kecil sahaja yang dikehendaki untuk menimbulkan peperangan bangsa di Asia Tenggara menjadi gerakan anti-China — iaitu musuh Vietnam dan Russia bersama," katanya. Tuduhan Rajaratnam ini sukar diterima akal dan lebih merupakan tanda kecondongan ASEAN kepada China.

Jadi, krisis orang pelarian merupakan kesan tak langsung dari pertentangan China-Vietnam. Ia telah menjadikan ASEAN lebih rapat kepada China dan memburukkan hubungannya dengan Vietnam. Suasana ini bila ditimbangkan bersama dengan keputusan A.S. lain untuk *bersekutu* dengan China

telah mempengaruhi kerajaan-kerajaan ASEAN supaya bertindak mengikut angin perubahan di Asia Tenggara.

Ada tanda-tanda yang menunjukkan pihak-pihak tertentu dalam ASEAN tidak begitu senang dengan keadaan ini. Pegawai-pegawai kanan berkenaan secara peribadi berharap A.S. akan mengamalkan dasar yang lebih setara antara Hanoi dan Beijing. Pada pandangan mereka ini, keadaan ini akan membawa kuasa-kuasa serantau kepada satu perimbangan kuasa sambil melemahkan tekanan ke atas Vietnam supaya lebih rapat dengan Russia.

Meskipun perkembangan terbaru secara keseluruhannya menguntungkan ASEAN, namun keadaan baru ini akan menimbulkan bahaya tertentu kepada ASEAN dan ahli-ahlinya terutamanya Muang Thai.

Bentang utama dasar keselamatan ASEAN, sejak dari mula ia diasaskan dalam tahun 1967 hingga sekarang ialah dengan penggunaan diplomasi untuk menghalang sokongan luar kepada gerakan gerila. Keadaan yang paling baik kepada ASEAN ialah pada pertengahan dan penghujung tahun 1978 bila China, Vietnam dan Kampuchea sama-sama bertanding untuk meyakinkan ASEAN tentang niat mereka untuk menjalin persahabatan dan perdamaian.

Pemimpin-pemimpin ASEAN nampaknya berjaya dalam usaha untuk memajukan harapan A.S. untuk mengujudkan penyelesaian melalui *kuasa ketiga* kepada masalah di Kampuchea. Buat sementara, ketegangan ini menguntungkan pemimpin-pemimpin ASEAN kerana berlakunya ketidakpastian dari segi politik dan ideologi di kalangan gerakan gerila di rantau ini.

Serangan Vietnam terhadap tentera Pol Pot dan serangan China terhadap Vietnam yang kedua pasti akan meninggikan lagi ketegangan di rantau ini. Seperti pada masa lepas, nasib ASEAN akan ditentukan oleh negara-negara lain di luar rantau ini — iaitu A.S., Russia, China dan kuasa-kuasa besar yang lain.



# The Soviet Threat

## The Official Singaporean View

*Any balanced effort to survey perspectives on "Southeast Asia and the Big Powers" would not be complete without inclusion of the official Singapore (PAP) perspective. We include here excerpts from a recent* Asiaweek *interview (13.2.81) with S. Dhanabalan, Singapore's new Foreign Minister.*

**Q:** *Musa bin Ahmad says China is still interested in sowing subversion in Southeast Asia. In view of this, do you see China as a threat to peace and security in the region? Or do you believe China ia gradually withdrawing support to communist movements in the region?*

**A:** We all know that for years China has given moral and material support to communist groups in Southeast Asia. They saw it as their responsibility to aid and support the communist parties in the region. What Musa said was what we have been saying all along. But our assessment is that Chinese leaders have probably now come to the conclusion that it is not in their interest to continue supporting communist groups in this part of the world.

I think there are several reasons they are withdrawing their support. One is that they realise this area has become an area of Sino-Soviet contest and rivalry, and that they cannot obtain support of the countries by continuing to back local communist groups. Another reason is that the time has come for them to concentrate on economic development. To do that, they know they

must move closer to the West. The top priority for them is economic development — the Four Modernisations programme.

We believe that because they are placing so much emphasis on economic development, they have come to the conclusion that their resources must be directed to this end and not to the exporting of revolution.

**Q:** *Is there evidence that this is happening now?*
**A:** Yes, we have seen some evidence that they are withdrawing some support from communist parties in Southeast Asia. The communist radio broadcasts to Thailand have ceased, and those to Malaysia [have been] toned down.

When Prime Minister Lee visited China last year, there were several indications that Chinese leaders thought it would be a problem for them if they continued overt support to communist groups. When the question of China's support to communists was raised, they did not take the line that communist revolutions were inevitable. Only a few years ago, the Chinese justified their support to the communists by saying it was their duty to help the people in their revolutions. They never openly said that they would withdraw moral support from communist parties immediately. But after our visit to Peking, our overall impression was that they were considering a gradual withdrawal of support.

**Q:** *Is Musa's surrender a positive move in ASEAN's struggle against Chinese-backed communist groups?*
**A:** Yes it is. But I would say it isn't as important as other events such as the power struggle in China, the Sino-Soviet rift and the continuing tension between China and Vietnam. People can see and compare the economic development of Singapore and China. The



Four modernisations programme, for example. I think is an admission that China's doctrinaire approach to economic development has been a failure. The notion that communism is the solution to human problems has been proved wrong.

**Q:** *Was it coincidence that Musa was being "smuggled out" of China around the time Premier Lee was in Peking, saying there were signs of a shift in China's stance? Were Mr. Lee or you aware of this?*
**A:** No, we were not aware, and we were not told by anybody that Musa was being smuggled out.

**Q:** *[Philippine Foreign minister] Carlos Romulo indicated recently that not all ASEAN countries agree Prince Norodom Sihanouk has a rôle to play in Kampuchea. Do you think Sihanouk has a role to play?*
**A:** We certainly think Prince Sihanouk has a role to play in Kampuchea. It is not so much what we or anybody else think about Sihanouk playing a role that is important. It's whether Sihanouk himself wants to play a role. Obviously ASEAN countries cannot wait for Sihanouk to make up his mind. Things have to move, and we want to see a move in the right direction of uniting the resistance and the emergence of a third force which is non-communist.

**Q:** *Does that mean Singapore is very anxious that a third force emerge before any international conference on Kampuchea?*
**A:** Of course we are anxious that a third force emerge soon. Whether it will be before the international conference or after, we don't know, but we support the idea of a third force being established soon.

**Q:** *Is Singapore now ready to favour a move to derecognise Pol Pot?*
**A:** We have made it clear that while we condemn the actions of Pol Pot, we continue to recognise Democratic Kampuchea. However, this does not mean we are keen to see him back in power in Phnom Penh.

**Q:** *There has been some talk about [Malaysian Foreign Minister] Tengku Rithaudeen's trip to Hanoi. Will he be going there as an ASEAN representative?*
SEORANG PEKERJA LOMBONG YANG MASIH MUDA LANTAS MENYAHUT

- BERANSUR-BERANSUR! KITA TIDAK BOLEH MENGURANGKAN PENINDASAN KE ATAS KAUM PEKERJA SECARA BERANSUR-ANSUR. SEBALIKNYA KITA MESTI HAPUSKAN SAMA SEKALI SEGALA JENIS PENINDASAN SECARA MENYELURUH.

KATA-KATA BELIAU DI SAMBUT DENGAN TEPUKAN GEMURUH.

PERHIMPUNAN PUN DITERUSKAN .....


PADA PETANG ITU JUGA
PARA PEKERJA BERARAK MENUJU KE KEDIAMAN 'MACPROFIT'
PADA KETIKA YANG SAMA
THE TIMES
MOGOK BERTERUSAN
MUNGKIN BANGKRAP
SYARIKAT SYARIKAT BRITISH MENERIMA SAINGAN HEBAT DARI INDUSTRI ASING....
CELAKA PUNYA SURAT KHABAR
SAYA INGI MEMBERITAH AWAK BAHAWA LOMBONG B AWAK YANG BESAR ITU, TIDAK BERH LAGI. SYARIK LAIN PULA SUDAH MEMBELI SEMUA LOMBONG-LOMBONG LAIN.
BLA-BLA BLA-BLA




KAUM PEKERJA SUDAH MULA BERSATUPADU, MEREKA MENUBUHKAN KESATUAN SEKERJA DAN SOSIALIS. MEREKA MAHU SEMUA HARTA YANG TERHASIL DALAM MASYARAKAT MENJADI MILIK BERSAMA. TIAP-TIAP ORANG SALING MEMBANTU ANTARA SATU SAMA LAIN BAGI MENGUJUDKAN KEHIDUPAN YANG LEBIH SEMPURNA. TAPI, SEBELUM SEMUANYA ITU DAPAT DI CAPAI, KAPITALIS MESTI DI HANCURKAN TERLEBIH DAHULU, MENGIKUT MEREKA. PARA PEKERJA KINI SUDAH BERSIAP SEDIA UNTUK BERJUANG HINGGA BERJAYA.

MEREKA BERUSAHA SEOLAH-OLAH SAAT KEHANCURAN KAPITALIS SUDAH HAMPIR BENAR!

## Cinta Si Anak Tani

cintaku pada tani rumpun padi dan bendang
tersemai sejak kukenal tenggala kerbau dan parang
dibajai dalam lumpur gumpalan haruan
mendewasa dengan sambal ulam ikan di parit jalan
dengan beras dari darah peluh dan luka pak tani.
lasak keras dalam keluarga besar petani miskin.

cintaku panas membara!
pada petani miskin yang rajin bekerja
kerbau tenggala lambang dayacipta
angin timor bawa berita bergema meresap jiwa
hutan gunong mengukuh kekuatan remaja.

cintaku merah menyala!
betapa jelik akan rupahidup
petani yang rajin
turun-temurun hidup miskin memanjang
terus tercekik dengan harga hidup tak
henti melambung.

kepayahan ini
mengajar kita paham abc kehidupan
mengasah kita berani menentu lawan
dalam sistem memeras belaan penjajahan.

petani miskin yang gagah perkasa
kemiskinan kita bukan tentuan buana
tapi berakar-umbi dalam sistem sangat usang
yang tentu pasti tidak terlepas hukuman sejarah.

telah terbukti
sejarah petani sejarah terbilang!
berpadu kekuatan sama buruh yang luas
di rata dunia di tanah air ini
melawan penjajah dan penindasan
memadu merobah mencipta sejarah baru.

pantas!
tenaga muda yang cinta kebebasan
bersama petani buruh rajin yang berani
sebaris gading bahu sehaluan
genggam erat tangan perpaduan
hentakkan kekuatan
terus putarkan roda sejarah pembebasan!!

kg. guar gajah,
Perlis.
27 november, 80. ali sianak tani

## Resepi Juadah
## Sri Damai Amerika

bahan-bahan.
seribu lautan air mata
seribu lautan darah pahlawan
seribu kali gencatan senjata
seribu sidang diuruskan
seribu janji dimungkiri
seribu senjata buatan baru
harta rampasan tanah jajahan

cara membuat:
uli harta rampasan dengan darah pahlawan
uli sebati sampai tidak merah lagi
renjis dengan air mata supaya harum baunya
panggang bahan pada api perang
apabila keluar minyaknya
ambil minyak dan bahan dibakar terus sampai hangus
setelah hangus uli semula dengan gencatan senjata
taburkan seribu janji supaya kelihatan mulia

cara menghidang:
sejuta mayat jadikan hamparan
aturkan senjata buatan baru untuk perhiasan
diam-diam tambahkan pendapatan perkapita dengan harga senjata
kalau suka untuk menambah rasa
taburkan sedikit serbuk nuklear
untuk kelihatan lebih hebat
jadikan ia hadiah nobel
buat begin dan sadat

Nordin Kardi
Universiti Michigan Barat
Disember, 1980

# Mendukung Status Quo

Hasnul Abdul Hadi

Lama sungguh aku tidak ke rumah Siddek. Sudah lebih dari tiga bulan. Paling akhir sekali aku ke sana, dia tidak ada di rumah. Kata isterinya, dia ke Pengkalan Balak selama dua minggu untuk menolong menyudahkan rumah saudaranya di situ.

Sebelum dari itu aku pernah juga pergi mencari sahabat aku itu. Dua-tiga kali aku ke rumahnya pada hari Jumaat, kerana inilah hari kelepasan baginya. Tetapi, dia tidak ada di rumah juga. Aku diberitahu dia sibuk membanting padi pula, kerana padinya sudah terlalu masak dan mesti dituai.

Paling akhir sekali aku bertemu dengan dia telah ialah pada hari ia menikahkan anaknya — anak sulungnya, anak perempuannya. Ketika itu aku masih uzur. Dia tahu, umum tahu, aku tidak kuat untuk berjalan seorang diri. Bertongkat pun, aku perlu seorang teman.

Di waktu ia serta isterinya datang ke rumahku untuk menjemput, mereka saksikan sendiri keadaanku. Tetapi, mereka mahu juga aku hadir, sakit atau tidak sakit. Mereka telah menyatakan bahawa mereka akan datang untuk mengambil aku pada hari itu. Apa dapatku kata selain dari, "Terima kasih, saya akan cuba hadir."

Dari sejak aku sakit, banyak betul jemputan tidak dapat aku tunaikan. Selain dari susah bergerak dan menyusahkan kawan-kawan, aku juga dilarang menelan banyak makanan. Aku disuruh berihat sahaja. Membaca juga tidak digalakkan. Lebih baik jangan berfikir banyak-banyak dan, kalau boleh, lupakan sama sekali penyakit yang aku hidapi itu.

Tetapi, jemputan dari Siddek suami isteri adalah satu-satunya yang aku tidak boleh anggap ringan. Siddek adalah seorang kawan dari masa muda-muda dahulu, di waktu kita bersama-sama merempat di Singapura. Lagi, kami sefaham politik, sama-sama merasai tekanan serta siksaan tindasan yang berkuasa. Dan juga, aku menganggap anak-anaknya seperti anak-anakku sendiri.

Tentu sekali aku tidak boleh pergi ke Air Molek dengan sendiri. Jadi, aku ikut Hamid, Weng Kiong, Baba Ahmad dan Ah Kim. Anakku senantiasa berdekatan dengan aku, takut-takut aku jatuh atau pitam.

Kami tiba di rumah Siddek pada jam satu petang, betul-betul waktu makan. Setelah bersalaman serta mengucapkan tahniah kepada tuanrumah dan menyampaikan tanda-tanda mata, kami telah dibawa ke sebuah meja panjang yang sedang diduduki oleh dua orang tetamu. Dengan kedatangan kami berenam, maka penuhlah meja itu.

Siddek telah mengenalkan kami sekalian kepada tetamu-tetamu yang duduk di meja itu. Satu daripadanya ialah Encik Mazlan, seorang ahli perniagaan yang berasal dari Kuala Trengganu. Ia rendah serta gemuk dan seorang kenalan kepada Siddek. Seorang lagi ialah Cikgu Hamid, kurus dan tinggi, dan tinggal di Kampung Alai.

Aku mengambil kerusi di sebelah kiri Encik Mazlan itu. Aku pernah melihat dia. Sekali, kalau aku tidak salah, di bengkel tempat membetul kereta. Sekali lagi di kedai buku di Jalan Laksamana. Oleh kerana belum berkenalan, aku tidaklah bercakap apa-apa dengannya. Tentang Cikgu Hamid pula, aku kenal betul dengannya. Dia adalah orang-kuat politik. Mujur, kita tidak pernah mengambil haluan yang sama. Oleh itu, selalu sahaja bertentangan.

Siddek telah mengenalkan rombongan kami sebagai 'orang-orang perjuangan'. Encik Mazlan, kata tuanrumah itu, adalah 'orang kuat agama', pernah bertanding hendak mengujudkan sebuah Negara Islam. Dan tentang Cikgu Hamid pula, Siddek tersenyum sambil berkata, "Inilah orang kuat kita di sini ketika ini." Setelah itu Siddek beredar dari situ untuk menyambut tetamu-tetamu yang lain.

Aku tidak makan banyak. Kuih-kuih yang dihidang kesemuanya manis belaka. Nasi minyak, daging khurma serta acar yang berikutan tidak baik bagi aku. Jadi, untuk menemankan mereka makan, aku menjamah sedikit nasi putih yang digual dengan ikan goreng sahaja.

Aku tidak seronok bercakap dengan orang yang aku belum kenal betul. Lagipun, di dalam majlis serupa itu, tidak ada perkara yang hendak dibualkan, selain dari kesihatan masing-masing. Jadi, supaya suasana tidak sunyi sangat, aku cuba membuang soalan biasa kepada Cikgu Hamid, "Apa macam sekarang, Cikgu?"

"Macam biasa juga," jawabnya. "Saya lihat Encik Hassan sudah boleh berjalan. Mudah-mudahan akan baik seperti semula."

"Terima kasih, Cikgu," kataku dengan perlahan. "Tetapi, sakit macam saya ini tidak mudah hendak pulih semula. Kita hanya boleh bertahan sahaja."

"Saya rasa lebih baik kalau Encik Hassan berihat sahaja. Tumpukanlah segala tenaga untuk kesihatan." Cikgu itu berkata sambil menyuap nasi dengan lazatnya. "Lupakanlah politik sama sekali. Politik itu kotor, kotor sekotor-kotornya." Ia berhenti seketika sambil menambah nasi lagi.

Aku tiada selera hendak berkata apa-apa.

Sejenak kemudian, ia menyambung lagi, "Dahulu, ya. Kita terpaksa bekerja kuat-kuat. Mesti naikkan semangat rakyat jelata. Kita mahu menghalau penjajahan. Kita mahu mencapai kemerdekaan. Kita mahu tanahair kita dikembalikkan ke dalam tangan kita." Sambil tunduk, ia menyuap nasi lagi.

sejurus kemudian, ia mengangkat kepala dan memandang aku, lalu berkata, "Keadaan sekarang sudah lain."

Ia berhenti lagi. "Kita sudah merdeka penuh. Negara sudah kita punya. Bendera kita berkibar-kibar di United Nations. Kita sudah berjaya. Apa mahu lagi?"

"Jadi, sekarang kita tidak payah berjuang lagilah?", aku tanya.

"Tidak payah lagi," ia menjawab.

"Tidak payah berpolitik juga?" aku tanya lagi.

"Tidak payah sekuat dahulu," ia menjawab lagi.

"Kalau begitu," kataku, "bukanlah baik Cikgu juga bersara dari politik bersama-sama saya. Kita cari pondok-pondok kecil di tepi laut. Tinggal di sana. Tulis sajak-sajak yang memuji Bintang, Bulan dan Surya. Dan sekali-sekala, kita ke Pulau Pinang untuk belajar sastra berdasarkan agama."

Ia merenung seolah-olah hendak menelan aku.

"Saya masih ada tugas-tugas yang mesti diselesaikan," katanya agak keras sedikit.

"Begitu juga, saya rasa, insan yang lain," aku berkata dengan perlahan.

Selepas makan, kami sekalian terpaksa undur dari meja itu. Oleh kerana sibuk dengan urusan masing-masing, kawan-kawan ku terpaksa berundur dari situ dahulu. Aku memang bertujuan hendak duduk di rumah Siddek hingga ke petang. Oleh itu, aku telah dibawa ke sebuah meja bulat yang dikelilingi oleh empat buah kerusi rotan yang terletak di bawah pohon jambu air yang rendang tidak jauh dari penanggah.

Aku berasa selesa dapat bersandar dan ditiup angin sepui-sepui di bawah redupan daun-daun jambu-air. Mazlan mengikuti aku dan datang duduk di sebelah kanan aku.

Anak aku tetap berada dikerusi sebelah kiriku. Yang tidak menyenangkan aku ialah bahwa Cikgu Hamid turut datang dan mengambil kerusi yang kosong betul-betul bertentangan dengan aku.

Tidak beberapa lama aku duduk di situ, Mazlan mula bercakap, "Saya takut akan mengganggui Bung. Bolehkah saya berbual-bual dengan Bung?"

"Tentang apa?" aku bertanya. "Tentang kesihatan saya lagi?" Aku menghalakan perhatianku terhadap Cikgu Hamid.

"Tidak, tidak. Sama sekali tidak." Mazlan lekas-lekas menjawab. Kemudian, "Sebenarnya, saya sudah lama mengikuti jejak-langkah, atau apa yang dikatakan orang *sepak-terajang politik* Bung. Saya selalu mendengar ucapan-ucapan Bung. Menarik betul"

"Saya tidak main politik agama," kataku sebelum ia hendak menyambung cakap lagi.

"Saya tahu," ia sambut dengan pantas. "Saya sangat-sangat tertarik tentang masalah-masalah yang Bung selalu kemukakan, terutama sekali tentang masa hadapan rakyat jelata dalam negeri kita. Kerana itu, saya ingin betul hendak berkenalan dengan Bung."

"Nah, sekarang sudah kenal," kataku dengan pendek sahaja.

"Syukur Alhamdulillah," ia berkata sambil menadah kedua-dua belah tangannya ke atas.

"Jangan-jangan, saudara juga mahu saya membekukan diri," kataku mengusik. "Ataupun, saudara hendak tolong dapatkan *loan* untuk menjadi saudagar-angkatan-baru."

"Tidak, tidak. Bukan itu tujuan saya," ia menyeru dengan lekas.

Supaya perbualan tidak terhenti di situ sahaja, aku mengusik lagi, "Barangkali, saudara mahu saya bersama-sama saudara berkecimpung dalam gerakkan politik-agama."

Memandang kepada aku, ia bertanya, "Bung tidak suka pada agama?"

"Saya tidak pernah kata demikian," aku jawab. Kataku lagi, "Maksud saya, saya sama sekali tidak mahu menjadikan agama alat politik."

Percakapan terhenti sebentar. Seorang anak muda datang membawa sedulang air. Khas untuk aku diberi segelas susu yang tidak bergula. Oleh kerana kehausan, aku tidak tunggu-tunggu lagi lalu menghirup air susu yang panas-panas suam itu.

Mazlan tidak berkata apa-apa di waktu aku meneguk air. Dia merenung sahaja muka aku. Tidak lama kemudian ia berkata, "Saya ikhlas betul ingin berbual panjang dengan Bung?"

"Tentang apa?"

"Tengang politik, umpamanya. . ."

"Politik sahaja?"

"Ya" katanya, sambil menambah, "Ekonomi, sosial, kebudayaan . . . dan apa sahaja yang berkaitan. ."

"Dan agama juga," kataku.

"Mungkin, agama juga," ia mengikuti. "Yang bersangkut-paut dengan negara kita," ia menegas lagi.

"Luas betul tajuk yang hendak dibualkan," sambut ku.

"Kalau tidak menjadi keberatan." Ia khuatir aku menolak.

Oleh kerana tidak ada apa-apa lain hendakku buat di situ, aku dengan mudah menjawab, "Apa salahnya?"

"Terima kasih," katanya dengan gembira. "sebenarnya, biarlah saya mengakui terlebih dahulu bahawa saya ini adalah seorang yang terlalu hijau dalam perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Itulah sebabnya saya ingin bertukar fikiran dengan seorang politikus yang matang macam Bung ini."

"Semua manusia, bukan saudara seorang sahaja, mulai di dalam dunia dengan tidak tahu-menahu satu apa pun," aku ikuti telahannya. "Tetapi, kalau tidak mahu berusaha untuk mengambil tahu, kalau tidak mahu menambah pengetahuan yang ada, sudah barang tentu akan tinggal dengan fikiran bayi sampai ke tua."

Ia diam sejenak. Kemudian, "Saya ini mendapat didikan agama . . . ."

"Apa salahnya?" tanyaku pula. "Saya kira, kita tidak

bermaksud hendak membincangkan kesucian sesuatu agama, bukan?" Aku lekas-lekas mencelah.

"Tidak," kata Mazlan, "maksud saya, saya mendapat pendidikan Timur. Sebagai seorang pemuda yang bertanggungjawab, yang mahu berjasa kepada ibu-pertiwi, saya ingin tahu bagaimana Barat dan Timur dapat bersama memainkan peranan mereka untuk faedah negara kita."

Maksudnya kurang jelas kepadaku. "Bukankah baik saudara berterus-terang sahaja," kataku. "Saudara tahu saya seorang sosialis. Dan saya tahu yang saudara mahu mengujudkan negara yang bercorak agama. Jadi, saudara mahu tahu bolehkah kita berjalan sama. Bukankah begitu?"

"Sosialisme dan agama tentu sekali bercanggah," tiba-tiba mencelah Cikgu Hamid. "Yang satu percaya dan yang satu lagi tidak akui adanya Tuhan."

Aku tidak mengindahkan langsung kata-kata Cikgu Hamid itu. Aku rasa, lebih elok kalau diselesaikan perkara yang dikemukakan satu-persatu. Jadi, aku terus hadapi soalan yang datang dari Mazlan tadi.

Memandang ke arah Mazlan sahaja, aku mula berkata, "Saudara Mazlan, saya faham betul dilema yang saudara hadapi. Ini adalah dilema yang dihadapi oleh tiap-tiap insan yang benar-benar cintakan tanahair kita yang kaya-raya ini." Aku sengaja berhenti sebentar. Mazlan memandang aku dengan tidak berkelip-kelip. Kemudian, aku menyambung, "Kita cintakan tanahair, kita mahu bela rakyat jelata, kita sanggup berbakti. . . Tetapi, kita tidak kaji dalam-dalam, kita tidak hadapi masalah sebenarnya, kita dikelirukan sepanjang jalan. . . Jadi, kita ambil sikap dahulu, betul-tidak-betul sikap itu adalah soalan nombor dua. Setelah mengambil sikap, siapa tidak bersama adalah musuh kita. . . Hasilnya, kita bercanggah sesama kita!"

"Teruskan lagi, Bung" kata Mazlan.

Aku teruskan dengan perlahan. "Dari sejak kita, sebagai satu bangsa, menyedari bahawa tanah ini adalah pusaka kita, dari sejak itulah kita tidak berhenti-henti berusaha untuk membentuk bumi-pusaka ini supaya menjadi syurga-dunia bagi rakyat kita." Mazlan mengangguk, tetapi Cikgu Hamid tidak bergerak langsung. Aku sambung, "Kita sama-sama tahu, dunia luar lebih dahulu dan lebih giat dari kita untuk mencapai cita-cita yang sama."



"Sungguh!" Aku tidak tahu samada Mazlan hendak menyoal ataupun hendak menegaskan.

"Betapa tidak?" aku tanya kembali. "Saksikanlah pergolakan masyarakat dunia sendiri, sudah berubah berkali-kali. Sebenarnya, seluruh sejarah dunia adalah suatu pertarungan antara kebenaran dan kepalsuan, suatu pertentangan antara yang tertindas dan yang menindas, untuk mencapai cita-cita murni yang saya sebutkan tadi."

Aku berhenti sebentar. Sejurus kemudian aku sambung lagi, "Mula-mula kita dapati di dalam dunia suatu masyarakat yang digelar masyarakat primitif, di mana tidak terdapat tindas-menindas, tetapi di mana orang senantiasa bantu-membantu dan tolong-menolong satu sama lain. Bila zaman berganti zaman dan manusia berubah perangai, masyarakat primitif telah digantikan dengan masyarakat abdi, di dalam mana si papa-kedana terpaksa mengabdi kepada si gagah-perkasa. Kemudian, zaman berganti lagi, dan bila si pemilik-tanah dapat

mengenepikan si gagah-perkasa, masyarakat feudal pula bermaharajalela. Setelah datangnya Revolusi Industri, dan pemilik-modal pula dapat merampas kuasa dari si pemilik-tanah, dunia telah jatuh ketangan kaum kapitalis. Di dalam masyarakat kapitalis yang kita cukup kenal sekarang ini, kaum pekerja semata-mata menjadi alat kaum kapitalis."

"Tidak nampak langsung syurga di dunia?" tanya Cikgu Hamid.

"Betul," kataku lekas-lekas. "Di dalam proses rakyat menghala ke arah syurga-di-dunia, datang pula iblis mengacau. Syaitan ini mempunyai cita-cita hendak mendirikan neraka-di-dunia. Jadi, timbullah pertarungan yang hebat di antara *the good guys* dengan *the bad guys.* Hasilnya telah nyata, imperialisme bermaharajalela di dalam dunia kita sekarang ini." Aku diam. Aku lihat Mazlan dan Cikgu Hamid diam juga.

Lalu aku bertanya, "Mengaku atau tidak bahawa negeri kita ketika ini diselubungi dengan kuat oleh dasar ekonomi bebas?"

"Ya, itu benar," kata Mazlan.

"Jadi, kita akui di dalam negeri kita juga *the bad guys* sudah menang." Aku berhenti sebentar. "Tetapi," kataku lagi, "Cikgu Hamid kata tadi, kita sudah berjaya! Nampaknya, kalau ada pergaduhan antara Cowboys dengan Red Indians, Cikgu Hamid bertepuk kalau Red Indians diburu oleh Cowboys!"

Senyap betul di meja budar di bawah pohon jambu.

Tidak lama kemudian aku sambung lagi, "Kalau kita akui di dalam perjalanan sejarah, *the bad guys* sudah menang, kita patutlah bekerja lebih kuat lagi untuk mencapai cita-cita asli kita. Bukan, bersara dari politik. Bukan, tolong kembangkan lagi kapitalisme.

"Bagaimana hendak bekerja lebih kuat lagi?" tanya Mazlan.

"Itu pertanyaan yang saya tunggu-tunggu lagi tadi," kataku. "Selagi kita tidak tahu apa kita betul-betul mahu, kita tidak akan tahu apa kita hendak buat. Jangan sebut bagaimana hendak bekerja kuat."

"Mari kita berangan-angan pula," celah Cikgu Hamid.

Sekali lagi aku tidak hiraukan Cikgu Hamid. Memandang ke arah Mazlan, aku berkata, "Saya kira, saudara Mazlan tentu sudah menyedari bahawa negeri kita mempunyai suatu masalah yang besar. Masalah itu ialah kemiskinan, yang paling meluas sekali di kampung-kampung." Aku berhenti untuk mengambil nafas. Sejenak kemudian, aku kata lagi, "Semua golongan, terutama sekali kaum cerdik-pandai, akui adanya masalah yang besar ini, sehinggakan yang berkuasa juga sudah membuat rancangan hendak membasminya."

"Semua orang tahu cerita ini," kata Cikgu Hamid.

"Ya," kata Mazlan, "tetapi, bagaimana caranya hendak mengatasi kemiskinan ini, setidak-tidaknya cara Bung."

Aku mengambil masa sebentar supaya terasa *suspens*-nya. "Kita sudah mengetahui masalah yang kita hadapi. Sebelum boleh kita bicarakan tentang cara hendak menghapuskan kemiskinan, terlebih dahulu kita hendaklah tahu apa yang menyebabkan kecelakaan itu. Kerana, kalau tidak tahu apa kuman yang menyebabkan penyakit itu, bagaimana hendak kita ubatinya. Takut-takut, lain penyakit, lain pula ubat yang diberi."

Aku lihat Cikgu Hamid khuatir hendak menyampuk. Apa lain jawapan dari dia selain dari: miskin kerana malas. Oleh itu, tidak boleh diubati, kerana salah sendiri. Mazlan pula berkata, "Saya mengikuti dengan penuh minat. Saya ingin tahu pendapat Bung tentang perkara ini."

"Pendapat saya mudah sahaja," aku jawab dengan lekas. "Dua sebab besar yang menyebabkan kemiskinan dalam negeri kita. Pertama, negeri kita masih diexploitasi oleh negara-negara industri. Kedua, pembahagian yang tidak sama dalam negeri, iaitu ada yang dapat terlalu banyak, ada pula yang terpaksa mencebis di tepi meja."

Kedua-dua tidak mahu berkata apa-apa.

Lantas, aku sambung lagi, "Nah, kalau sudah tahu penyakit yang kita hadapi, dan sudah terang kuman-kuman yang menyebabkannya, kita hanya tinggal untuk mencari ubat yang mujarab yang akan menyembuhkan penyakit kita."

Kedua-dua *pejuang politik* itu diam lagi.

Lantas, aku terus berbicara lagi. "Dalam mencari ubat untuk sakit negeri, kita berpuak-puak, kerana berlainan pendapat. Malah, kita bergaduh, kita berkelahi, kita bermaki-makian, dan ada ketikanya kita berbunuh-bunuhan. Ada yang berkata kita mesti pakai lagi doktor dari London. Ada pula yang mendesak supaya kita bawa pakar-pakar dari Washington pula. Ada berpendapat bahawa kalau imperialisme yang menjahanamkan negara, pakar-pakar kapitalisme akan lebih merosakkan lagi. Dalam menegakkan pendapat-pendapat masing-masing, orang-orang yang mempunyai kepentingan dalam negeri kaya ini turut campurtangan."

"Apa pula syor Bung?" tanya Mazlan.

"Tentu sekali sosialisme," kataku dengan lekas. "Tetapi, ini tidak penting. Yang penting ialah reaksi terhadap syor saya itu."

"Bagaimana?" tanya lagi Mazlan.

"Apa terjadi bila issu sosialisme dikemukakan!" aku tanya padanya dan terus menjawab soalan aku itu sendiri. "Orang-orang macam Cikgu Hamid dengan lantang bersorak, 'Itu ideologi asing', 'Tidak boleh diamalkan di sini', 'Akan timbul huru-hara', 'Tidak faedah bagi kita', 'Kita sudah berjaya'."

'Memang betul, sosialisme tidak boleh diterima oleh rakyat negeri ini," kata Cikgu Hamid. "Bertentangan dengan agama Islam."

Aku rasa hendak bersorak, "Apa, kapitalisme menguntungkan kita? Kapitalisme bukan fahaman asing?

Kapitalisme, yang bersendikan laba itu tidak bertentangan dengan Islam?" Tetapi, aku mendiamkan diri sahaja, kerana aku yakin Mazlan tentu tahu apa yang betul dan apa pula yang propaganda.

Tiba-tiba, Mazlan bertanya, "Mengapa tidak menggunakan agama untuk menyelesaikan masalah kita?"

"Ini juga soalan yang saya tunggu-tunggu," aku kata dengan gembira. "Untuk mengetahui mengapa, kita terpaksa mengulang-kaji sejarah negeri kita sekali lagi. Rakyat Melayu dalam negeri kita beragama Islam selama kira-kira 500 tahun sahaja. Tetapi, sebelum dari itu mereka beragama Hindu, ataupun tidak beragama langsung, selama lebih dari 3,000 tahun." Aku berhenti sebentar. Kemudian, "Parameswaralah yang telah mula-mula memeluk agama Islam, kerana mengahwini puteri Raja Pasai. Islam, sebenarnya, telah diterima dengan meluas bila Seri Parameswara Dewa Shah menjadi Raja."

"Anak-anak sekolah semua tahu tentang ini," teriak Cikgu Hamid.

"Gambaran yang hendak saya kemukakan ialah, bila Islam datang kemari, agama itu telah diterima oleh rakyatnya, tetapi pemerintahan mereka tetap macam sedia kala. Kerana, Parameswara serta pengganti-penggantinya tidak mahu mengikuti Sunnah Rasul." Aku teruskan lagi.

"Sunnah apa?" tanya Mazlan.

Aku jawab, "Mengikut sejarah Nabi, bila ditawarkan: 1) Menjadi Raja, 2) Kekayaan, dan 3) Kebesaran serta Kuasa, agar supaya Baginda tidak membinasakan berhala-berhala di Mekah, Nabi telah menolaknya dengan tegas. Dengan petunjuk ini, Parameswara hendaklah turun dari takhta supaya dapat dilantik sebuah pemerintahan Islam, di bawah seorang iman. Bahkan tetapi, pemerintahan beraja diteruskan juga hinggalah empayar Melaka jatuh dalam tahun 1511."

Melihat kedua-dua mereka mendiamkan diri sahaja, aku teruskan, "Kemudian di waktu kita dijajah dahulu, kerajaan yang memerintah adalah bercorak kolonialisme dan ekonomi yang mereka amalkan ialah kapitalisme. Setelah merdeka pula, dan hinggalah ke hari ini, kapitalisme semakin lama semakin kukuh dan penguasaan ekonomi kita oleh modal antarabangsa menjadi lebih hebat lagi."

"Tetapi, bagaimana negara-negara Islam yang lain dapat menyelesaikan masalah mereka?" tanya Mazlan pula.

"Negara Islam yang mana?" aku tanya.

"Pakistan, Saudi Arabia dan lain-lain..." kata Mazlan.

"Itu semua bukan negara-negara Islam," aku tegaskan. "Sebenarnya sebuah negara Islam tidak wujud. Apa yang dikatakan ,negara Islam' itu semata-mata adalah negara kebangsaan. Rakyat mereka beragama Islam, tetapi ekonomi mereka adalah kapitalis atau sosialis."

"Bung berolok-olok," teriak Mazlan.

"Tidak, sama sekali tidak," aku terangkat suara sedikit. "Islam bercorak antarabangsa. Al-Quran menerangkan 'Manusia ialah satu bangsal dan orang-orang Islam hendaklah mendirikan suatu negara di mana tiada terdapat perbezaan antarabangsa atau kaum."

"Jadi . . ." sahut Mazlan.

Belum dia habis berkata, aku telah menyambung kata, "Jadi, kalau saudara jadikan negara kita sebuah negara Islam, semua orang Islam di seluruh dunia dengan sendiri menjadi rakyat negara kita, kerana seorang Islam adalah rakyat mana-mana negeri Islam jua."

"Penuhlah negara kita dengan orang-orang dari Pakistan, Bangladash, Arab dan sebagainya," sahut Cikgu Hamid.

Memandang Mazlan termenung, aku tujukan kata-kataku kepadanya, "Tahukah saudara bahawa ketika ini cuma ada satu sahaja negeri dalam dunia yang telah cuba hendak mendirikan negara berdasarkan agama?"

"Apa dia negeri itu?" tanya Mazlan dengan lemah.

"Israel," jawabku dengan lekas. "Kalau saudara seorang Zionis, saudara datang dari Soviet Union sekalipun, saudara akan diterima menjadi rakyat negeri itu. Tetapi, sekiranya saudara adalah Yasser Arafat, lahir dalam lingkungan negara itu, saudara diusir macam anjing."

"Anih," kata Mazlan.

"Memang anih," jawabku.

"Bagaimana Iran?" tanya Mazlan.

"Saya sedang mengikuti perkembangan di sana," kataku. "Buat sementara ini, saya tidak berani hendak berkata apa-apa."

"Jadi, nampaknya, tidak ada kerajaan Islam yang sebenarnya," mengeluh Mazlan.

"Kerajaan Islam yang berdasarkan Qur'an dan Hadith tidak ada," turutku. "Terutama sekali di negeri kita. Kita menjunjung kapitalisme."

Melihat Mazlan mendiamkan diri, aku sambung lagi, "Di negeri-negeri di mana rakyatnya hampir semuanya terdiri dari orang-orang Islam, keadaannya begitu juga." Aku berhenti seketika. Kemudian aku bertanya, "Ingin saudara tahu mengapa?"

"Ya," Mazlan menjawab.

Oleh itu aku teruskan lagi, "Islam menentang kolonialisme, kerana kolonialisme adalah jahil. Islam juga bertentangan dengan kapitalisme, kerana kapitalisme berdasarkan riba, menyedut keuntungan berlebihan dan mengeksploitasi dunia. Oleh itu, Islamiah yang mula-mula menentang feudalisme dan imperialisme dalam abad kedua belas. Tidakkah kita ingat kepada perang Crusades?"

Aku berhenti sekejap. Kemudian kataku, "Tetapi, setelah kalahnya pemerintahan Turki dalam Perang Dunia Pertama dan Jabatan Khalifah telah terpaksa dimansuhkan, pengaruh Barat balik semula bermaharaja ela di mana-mana. Negeri-negeri yang mengandungi umat Islam

telah diletakkan di bawah negeri-negeri Barat dan dasar ekonomi bebas telah ditekankan ke atas mereka."

"Jadi," kata Mazlan.

"Jadi," sambungku, "Kita dapati negeri-negeri yang mengandungi umat Islam mengamalkan ekonomi yang bertentangan dengan agama mereka. Macam-macam dakyah telah dijalankan supaya rakyat di negeri-negeri itu menyangka bahawa mereka benar-benar di bawah pentadbiran Islam dan sosialisme bertujuan hendak mengambil tempat Islam dan bukan kapitalisme."

"Teruskan lagi, Bung," teriak Mazlan.

"Ya, kita harus sedar sandiwara yang dijalankan dalam negeri kita ini. Kita hendaklah tahu juga apakah maksud sandiwara itu. Sebenarnya, semua ini bertujuan hendak mengelirukan kita." kataku.

"Lantas. . ." kata Mazlan.

Belum habis ia hendak berkata, aku meneruskan, "Maka, datanglah dalang-dalang berjumpa dengan kita. Mereka mahu kita bersara dari politik. Kita harus bersyukur kita hidup di bawah demokrasi. Kita sudah berjaya dan makmur." Aku berhenti sebentar. Mengangkat suaraku sedikit, aku berteriak, "Sebenarnya, saudara, mereka bertujuan hendak mempertahankan *status quo*, mereka mahu keadaan yang berjalan sekarang ini kekal buat selama-lamanya. Jadi untuk mengelirukan rakyat mereka terpaksa memperalatkan agama."

Melihat Siddek datang, anakku bangkitkan aku dan bersama-sama mereka memapahku ke kereta.

---

## Suara buruh estet:

# "Peluh dan Darah Pekerja Estetlah Yang Ditoreh".

Mula dari 100 tahun dulu, orang putih bawa orang India ke negeri ini. Buruh itu mari potong, kasi tebang hutan di negeri kita. Tujuan dia bukan mahu kasi hidup senang. Tujuan taukeh itu untung. Dia kasi gaji supaya pekerja itu terus hidup dan boleh kerja untuk dia. Seberapa murah boleh, itu sajalah. Mana ada jalan boleh cari untung itu, semua jalan dia buat.

### Tuak

Macam mana dia buat? Dia buat macam-macam punya jalan. Satu jalan — dia buka kedai tuak di dalam semua ladang-ladang. Apa sebab dia buka kedai tuak itu? Bukan mahu tolong atau bukan mahu seronokkan pekerja-pekerja itu. Tiap-tiap pagi, pada pukul 6 atau pukul 4.30, dia orang keluar daripada rumah; sampai pukul dua, dia orang kerja dalam ladang.

Bila balik, apa ada di dalam rumah; teruk sedikit. Jadi, terus pergi ke kedai tuak. Bila dia sudah taruh tuak itu . . . lagi 12 jam, sampai dia pergi tidor, dia mabuk juga. Otak dia tak boleh fikir. Selama 24 jam, dia tak ada peluang berfikir. Ini satu jalan dia tindas masyarakat itu. Bila dia sudah fikir, dia boleh bangun, dia boleh cari jalan macam mana mahu lawan dengan majikan.

### Pelajaran

Lagi satu — pelajaran. Walaupun ada pondok, itu bukan sekolah! Ada pondok di tiap-tiap ladang seluruh Malaysia. Tapi sana tidak ada guru. Itu guru pagi-pagi pergi potong, menoreh getah; petang, dia mari ajar. Apa macam dia boleh mengajar, dia pun sudah mabuk. Ini satu jalan lain dia orang tekan masyarakat kita.

Rumah pula. Bawah ada dapur, atas tidur. Majikan hati murah! Dia mahu tolong pekerja dia sebab nyamuk banyak. Sebab ada dapur di bawah, tak payah cari ubat nyamuk. Dia orang boleh tidur senang. Sampai bila-bila pun, majikan mahu kasi otak masyarakat itu tidur.

### Harapan

Lepas perang, orang pun bangun, orang pun fikir balik. Habis apa dia buat? Dia orang ada bikin kesatuan. Dari situ juga, dia orang punya sejarah sudah tukar.

Orang ingat kita harap sama majikan. Kita tak boleh harap pada dia. Kita mahu berdiri atas kita sendiri punya kaki.



*Pasti, kami telah maju. Dulu, mereka jalan kaki, kemudian naik kereta, sekarang ini pula!*

R.K. Laxman

# 9 to 5 : Office Woes

"9-5"
An IPC films productions
Starring Jane Fonda, Lily Tomlin and Dolly Parton

*"9-5"* comes to the screen highly touted as a progressive film. To Jane Fonda's credit, in producing and publicizing the film, she helped bring the problem of clerical workers to the public eye and raise funds for working women's organizations.

Much of the film's material also reflects Fonda's contact with working women in making the film. The specific grievances and reforms depicted are taken from meeting with clerical workers as are the the revenge fantasies.

Given this promising background, *"9-5"* is an artistic and political disappointment. It is a lesson in the way decisions about style and structure, — seemingly politically neutral questions, — help determine the film's message.

## ENCOURAGING BEGINNING

The movie begins encouragingly with Judy Bernly (Jane Fonda), prim and newly divorced from an adulterous husband, starting work in a secretarial pool. She is soon befriended by Violet (Lily Tomlin), a widowed mother of four, long overdue for promotion but always passed over for men she trained, and Doralee (Dolly Parton), private secretary to the sexed-crazed boss, Mr. Hart (Dabney Coleman).

The three women stormed out of the office one day, each for her own reason, and spend the afternoon drinking, smoking ganja and sharing revenge fantasies.

This would have been the perfect pint to move from fantasy to organizing. Instead, the film does an about face and takes things out of the women's hands. Violet, believing she has accidentally poisoned the boss, fall apart, with the other two following suit. We are taken on a crazy car chase involving stolen and misplaced bodies, wrecked vehicles and so on.

When the film returns to the office, the women kidnap and imprison Hart for six weeks while they await evidence of his corruption. In the interim, they institute many rational, humane reforms such as a daycare center, job sharing, attractive decor, alcohol rehabilitation programs and flexible hours.



The films ends when its many loose ends are tied up by the appearance of the Chairman of the Board (Sterling Hayden), an enlightened capitalist who appreciates these advances and rewards Hart with a job in Brazil and Violet with a promotion.

The film's first political inconsistency is in itus style. There is a slapstick approach to events and behaviour, with a general sense that the physical world is out of control and human nature not up to the job of conquering it. This is at direct odds with the apparent intent of the film: to show that women can "run an office without bosses."

## POLITICAL SCHIZOPHRENIA

A similar schizophrenia flaws Tomlin's role. She is portrayed, at first, as strong, consciously feminist and angry. She disintergrates, however, into a stereotype of feminine hysteria, impulsiveness and generally silly irrationality.

In the same way, Coleman's Mr. Hart fails to suggest the more subtle realities of sex or class dynamics in the office. He is a one dimensional stereotype, driven by a single urge, sex. Even the most sexist of bosses will be able to laugh at this caricature.

Indeed, there is a sense of unreality about the entire process by which the women take over the office and institute their reforms. That no one would miss the physical presence of a boss for six weeks may seem absurdly amusing. But the magical approach to office reforms is a more serious matter.

Judy, Violet and Doralee transform the office with no meetings or discussions of any kind. While the film has been described by its producers as showing women "getting together," in fact it is only the three heroines who do this. The other office workers are not involved, except as a grateful recipients. Nor is there any talk of forming committees or caucuses or instituting formal procedures to make further changes.

## HOLLYWOOD CONVENTIONS

It may be argued that this political over-simplification is justified

by the film's stated intention of being an entertaining piece that will reach a wide audience. And presenting serious social and political issues in an entertaining way to large numbers of people is an admirable and often achievable goal.

The reforms are important but essentially superficial. Since they do not take place in a context of organizing to take control, they do not speak to or in any way alter the concept of top down, hierarchical control. And since the kind of work done by the company is totally obscured, there in no hint that workers might have some concern about the nature of their work.

**RATIONALIZATION**

Far from being a critique of the economic or sexual relations of capitalism, in the end, the film is a rationalization for both. The rationalization is embodied in the character of the Chairman of the Board, a "good," i.e. human, executive who recognizes "good," i.e. efficient, management (under the regime of the three women, "productivity is up 20% and" and "absenteeism way down").

To have publicized the problems of clerical workers and suggested winnable reforms is a good thing. However, having done this, the film proceeds to obscure and trivialize the underlying sources of both sexism and economic exploitation. It suggest that they can be eradicated, or at least made tolerable, without altering the structures or purposes of corporate institutions.

This is far too easy, both artistically and politically. Working women, as they organize to demand their rights, will surely find that out. NI

# Brubaker &

# The Limits of Reform

*BRUBAKER*, a film that tries to advocate prison reform, instead ends up showing the limits of such efforts. The film centres on a prison reformer, Brubaker, (played by Robert Redford), who disguises himself as a new prisoner to find out about conditions in the prison before he starts as prison warder. In the prison, not only does he find dirty and dangerous living conditions but also corruption and torture.

Prison inmates who can afford it, pay for leftover meat, more decent jobs and even medical treatment. Some prisoners are put in solitary confinement until they become insane. Prisoners are often beaten and tortured by the *trustees*, who are trusted and privileged prisoners used by the prison authorities to control their fellow inmates.

As the new prison warder, Brubaker sets about trying to change conditions in the prison and succeeds in some ways. The quality of food served is improved and corruption is curbed. He even tried to institute more participatory processes among the prisoners and sets up council of inmates.

However, it is not long before he comes up against resistance — both from inside as well as outside the prison. His reforms threaten the position of the old trustees who plot to block his reforms and to get rid of him. The last straw comes when he, disregarding threats from his superiors, unearths the graves of hundreds of inmates who had been tortured to death. He is finally dismissed. In carrying out his reforms, he had gone against the interests represented by the board of governors. For example, he had refused to supply prisoners as cheap labour to a local businessman who obviously has important connections with the states authorities.

The official inquiry into the mass murders ends Brubaker onetime reform-minded patron participates in it, ostansibly for long terms considerations. Brubaker thus realizes the opportunis parading under the slogan of pragmatism.

All this also depicts in a way, the ultimate impotence of Brubaker's reforms in the face of institutional odds. The problem after all is not inside, but outside the prison. His attempted reforms are based on the assumption that other system can be changed from within and that people, once educated about the advantages of reform, would themselves work for it at least not oppose it. It is forgotten that there are people in power whose interests are served by the status quo, who will, in the final analysis, oppose and work against any changes which, threated their own interests.

But the film is not completely naive about the limits of reformism. The final scene in the film is very touching. It shows the prison inmates clapping in unison for Brubaker as he is driven out of the prison grounds. Even some of those who had opposed him realize that he had shown them how a better and more just system can work. This then, is the potential of reform according to Redford and company. While it is ultimately a hopeless dead-end, It does give a glimpse of what a better world can be. The prisoners who have had taste of justice will know that there can be an alternative:



## TEBUK DADA NAMPAK SELERA

Kata empunya cerita, kononnya tersebutlah sebuah hikayat di sebuah negeri digelar Seri Kaya Malas sia-sia. Kononnya negeri itu amatlah kayanya dan banyak pulalah hasil mahsulnya sampai ramailah dagang senteri dari atas angin datang berdagang. Maka amatlah gembiranya mereka kerana emas bahara dapat dibawa pulang dengan banyaknya hanya dengan membayar upti sedikit sahaja kepada raja. Adapun negeri Seri Kaya Malas Sia-sia itu diperintah oleh Datuk Perdana yang bertahi darah dengan Maharaja Turki. Maka di bawah Datuk Perdana itu adalah datuk-datuk lain yang mentadbir negeri. Ada pun penolong Datuk Perdana itu bergelar Datuk Berseri-seri Pandir. Maka hal ehwal daganglah yang dijaganya. Di bawahnya pula adalah Datuk Bendahara yang menjaga emas perak khazanah negeri. Maka amatlah sangat disayangi raja akan dia. Akan sayangnya itu maka raja pun memberi akan dia gelar Tiang Berseri Tengku Keli. Arakian adalah pula seorang datuk bergelar Datuk Sang Hitam. Tiada berjanggut yang kerjanya ialah menjaga segala hal ehwal hikayat dan kitab. Maka barangsiapa yang ada niat untuk menjadi orang bergelar kenalah dia menjadi ahli kerabat suku sakat Lembaga KUNO terlebih dahulu. Maka kata hukum yang maha berkuasa barangsiapa yang ramai anakbuahnya dapatlah ia bergelar ketua suku sakat Lembaga KUNO dan mudahlah pula akan dia mendapat perkenan dari Datuk Perdana, Timbalan Datuk Perdana, Datuk Dagang, Datuk Bendahara, Datuk Indra Hikayat Al-Kitab, Datuk Dalam, Datuk Luar dan banyaklah lagi datuk-datuk yang lain yang tiada diketahuinya namanya.

Arakian terbitlah cerita kononnya Datuk Perdana mendapat gering. Amatlah bahaya akan geringnya itu, tidaklah ada pawang dan bomoh dari negeri Seri Kaya Malas Sia-sia yang dapat membuat ubat serta meniupkan jampi serapah yang mustajab. Maka Datuk Perdana itupun kena berangkat ke negeri di atas angin untuk dijampi serapah dan ditebuk dadanya oleh pawang-pawang putih yang arif bijaksana. Maka Tuhan sahajalah yang empunya kuasa menentukan hidup matinya Datuk Perdana itu. Lalu gemparlah orang seluruh negeri lebih-lebih lagi kaum kerabat dan sukusakat Lembaga KUNO. Maka dipukullah canang memberitahui. Maka riuh rendahlah negeri Seri Kaya Malas Sia-sia dengan ratap tangis tiada terperi.

Sebelum putus kalimat dan kata tercicir, menurut yang empunya cerita, konon kesahnya Datuk Perdana, Datuk Timbalan Perdana dan Datuk-datuk yang lain juga dari ketua-ketua balai Lembaga KUNO berniatlah ia memberi kabar berita kepada anak buahnya. Kononnya, sebelum ditebuk dadanya maka amatlah berhajat Datuk Perdana untuk menengok anak negeri, mencium kekayaan. Manalah tahu jika takdir Tuhan sampai umur tertutuplah kedua mata kerana hajatnya termakbullah sudah. Maka gemparlah sekali lagi rakyat jelata seluruh negeri. Maka disuruhlah akan Datuk Perdana kepada Datuk Bendahara Tiang Berseri Tengku Keli berdarah Gajah Putih merangka kerja. Maka Datuk Bendahara Tiang Berseri tiadalah bertangguh lagi merangkakan kerja. Maka oleh si penghikayat tiadalah berani untuk menambah cerita takut akan menjadi dongeng belaka maka padanya akan ditimpa dosa.

Ada pun rangka kerja Datuk Bendahara Tiang Berseri Tengku Keli demi memberi kekayaan kepada rakyat jelata anak negeri itu tiadalah leibh dari bidaah semata-mata. Niat Tengku Keli itu tiadalah lain dari mahu membuat mata kaum kerabat sukusakat Lembaga KUNO menjadi kelabu kerana suku sakat dan kaum kerabat Lembaga KUNO akan membuat kenduri balai langsung bicara lima purnama lagi. Tiadalah ada bidaah lain, selain dari menggula anak negeri dengan cerita menjadi kaya. Maka bidaah itu amatlah dipercayai oleh suku sakat kerabat Lembaga KUNO.

Maka jinak-jinak pun berenanglah ke seluruh negeri meminta anak buah berkumpul di balai-balai dengan katanya Datuk Bendahara Tiang Berseri Tengku Keli Lendak beramanat. Maka Datuk Bendahara Tengku Keli (tiadalah mahu akan Tengku Keli itu digelar Tiang Berseri kerana rendah mertabatnya sebab beliau sememangnya berdarah Rajah Gajah Putih) pun bertempiklah memberi amanat di hujung balai. Tiadalah semua kata-kata amanatnya dapat diingat oleh si penghikayat tetap demikianlah lebih kurang bunyinya.

"Wahai sekalian anak negeri, ketahuilah oleh semua akan niat kami hendak menjadikan kamu semua menjadi kaya. Amatlah sedikit akan Datuk Perdana dan sekalian kami Datuk-datuk Penunggu-penunggu balai melihat keadaan anak negeri buat kata pepatah, "Babi di hutan diberi padi, anak di pondok lapar mati." Maka ketahuilah lagi hal sekalian anak negeri, maka mencium kekayaan itu bukanlah mudah kerjanya. Segala emas, perak, tembaga, suasa yang ada di tangan hamba sahaya sekalian hendaklah diserah kepada beta supaya nanti bolehlah ditanam di Tabung di Baham Tanah. Ada pun emas, perak, tembaga, suasa yang ditanam itu nanti akan beranak dan bercuculah akan dia. Maka bertambah kayalah kita."

Maka datuk-datuk itu pun menganggukiah kepalanya bagai itek bertemu air layaknya.

Hanuman

# UNTUK NUSA DAN BANGSA

Watan

## DITERBITKAN SETIAP HARI JUMAAT

Cable: WATANIAH Kuala Lumpur
P.O. Box 2454

399-A, Jalan Tuanku Abdul Rahman,
Kuala Lumpur.
Tel: 980044.


Rasa Perisa
ESTABLISHED 1873
OLD BOND STREET
LONDON
Special Filter
BENSON & HEDGES
Cemerlang laksana emas Benson & Hedges...
rasa yang cukup bermutu di dunia
Dicipta dan disempurnakan oleh Gedung Benson & Hedges
AMARAN OLEH KERAJAAN MALAYSIA:
MEROKOK MEMBAHAYAKAN KESIHATAN